

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALANNO. 9
HINGGA 72)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B.DATUK SIRINGAN
BIN GUBAT(RANAU)**

TARIKH : 27.03.2012 (SELASA)

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan setakat mana tahap pelaksanaan projek bekalan elektrik mengikut peratusan di Kawasan N.29 Kundasang dan N.31 Paginatan. Penduduk luar bandar sudah mempersoalkan sama ada syarikat-syarikat yang melaksanakannya dapat menyiapkan projek tersebut mengikut masa yang ditetapkan.

3AWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada tahun 2012 sedang melaksanakan empat (4) projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di kawasan DUN Paginatan, Sabah dengan kos berjumlah RM25.50 juta dan akan memberi manfaat kepada 1,167 buah rumah. Sehingga 29 Februari 2012, kemajuan di tapak bina telah mencapai 86% dan projek akan disiapkan sebelum 14 Oktober 2012.

Kementerian juga pada tahun 2012 telah menawarkan kontrak untuk pelaksanaan projek di empat (4) buah kampung tambahan di DUN Paginatan. Pelaksanaan projek bermula pada 15 Februari 2012 dan akan disiapkan sebelum 14 Ogos 2013. Projek yang ditawarkan berjumlah RM23.88 juta dan akan memberi manfaat kepada 853 buah rumah apabila siap kelak.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada Sabah Electricity Sdn. Bhd.

(SESB) tiada keperluan menyambung bekalan elektrik di

DUN Kundasang memandangkan semua kampung telah disambung dengan bekalan elektrik. Kementerian akan mempertimbangkan penyambungan bekalan elektrik ke kawasan ini sekiranya terdapat permohonan daripada Kerajaan Negeri pada masa akan datang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)
TARIKH	27.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta Menteri Pelajaran menyatakan kelayakan akademik untuk perlantikan guru-guru di sekolah- sekolah rendah, sekolah- sekolah menengah, Tingkatan 6/matrikulasi dan pensyarah universiti dan laporan purata keputusan akademik mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti, kerjaya dan kebajikan guru. Matlamat KPM adalah untuk menjadikan profesion keguruan dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipikulkan serta menjadi idola kepada semua murid yang bakal mewarisi generasi masa hadapan.

Sehubungan itu, KPM sentiasa memastikan profesionalisme perguruan sentiasa berada pada tahap cemerlang agar dapat melaksanakan tanggung jawab dengan berkesan. Justeru, bakal guru yang akan dilantik di sekolah-sekolah bawah pengurusan KPM mestilah memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

Kelayakan akademik minimum bagi kemasukan ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 ialah ijazah Sarjana Muda dengan kelayakan ikhtisas Pendidikan manakala jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA 29 ialah Diploma Pendidikan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH

27 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

NO. 11

Dato' Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan tentang beberapa kes-kes masalah sosial yang timbul disebabkan oleh perbuatan pelajar-pelajar asing yang belajar di kolej-kolej swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut satu laporan yang telah dikeluarkan oleh *The Observatory on Borderless Higher Education* bertajuk *International Student Mobility: Status Report 2009*, Malaysia berada di tempat ke-11 dunia sebagai destinasi pilihan untuk melanjutkan pengajian di kalangan pelajar antarabangsa dengan menguasai 2% daripada pasaran pelajar antarabangsa.

Malaysia menjadi tarikan pelajar-pelajar antarabangsa kerana menyediakan program pengajian yang pelbagai, sistem pengajian tinggi yang berkualiti dengan kos yang kompetitif. Sehingga Januari 2012, jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi

adalah seramai 91,670 orang iaitu seramai 25,855 di IPTA dan 65,812 orang di IPTS.

Kementerian memang menyedari terdapat kelemahan dalam sistem kemasukan pelajar antarabangsa yang memasuki negara ini dengan menggunakan visa semasa ketibaan (VOA) dan pas lawatan sosial kerana mereka akan datang ke Malaysia sebelum mendapat tempat pengajian di mana-mana IPT tempatan. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi menetapkan agar pas pelajar hanya dikeluarkan selepas pelajar menerima tawaran daripada IPT tempatan. Ini bagi memastikan pelajar antarabangsa yang memohon visa melalui pejabat Kedutaan Malaysia di negara asal pelajar atau di negara-negara yang berhampiran adalah mereka yang telah melalui proses penapisan yang lebih teliti. Usaha ini bagi memastikan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar layak sahaja yang akan memasuki IPT tempatan.

Untuk makluman, pada masa ini, pelajar antarabangsa yang terlibat dalam kes-kes sosial bukan hanya melibatkan pelajar yang berdaftar dengan KPT bagi mengikuti pengajian di IPTA dan IPTS, namun terdapat juga mereka yang mengikuti kursus-kursus pendek yang dikendalikan oleh institusi pendidikan lain seperti Institusi Pendidikan Swasta (IPS) yang tidak didaftarkan di bawah KPT. IPS merangkumi pusat-pusat kemahiran seperti pusat bahasa yang turut menerima kemasukan pelajar antarabangsa.

Kementerian sebenarnya memandang serius tentang isu-isu yang melibatkan pelajar antarabangsa. Antara langkah kawalan yang di ambil oleh KPT adalah dengan melaksanakan pemantauan terhadap IPT yang mengambil pelajar antarabangsa melalui operasi yang diadakan dari masa

ke semasa untuk meninjau pengurusan pelajar antarabangsa agar ianya berada ditahap yang diharapkan. Di samping itu, IPT dikehendaki melaporkan secara berkala bagi tempoh setiap empat (4) bulan berkenaan pelajar-pelajar antarabangsa yang mempunyai peratusan kehadiran ke kuliah yang kurang dari 80% dan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang lemah. KPT telah mewujudkan satu sistem maklumat yang dikenali sebagai 'IPT Inform Management System (IFMS-IPTS)¹ yang menyimpan rekod pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan IPTS. Melalui sistem itu KPT dapat membuat semakan berhubung profil pelajar bagi tujuan tertentu.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] :
TARIKH : 27 Mac 2012
SOALAN : Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah program Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia pada makanan import seperti daging, hasil pertanian dan makanan yang masih tinggi kadar importnya

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian sentiasa serius dan komited mengenai jaminan bekalan makanan dalam negara (*food security*) kerana jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan merupakan objektif utama Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020. Melalui DAN, sektor agromakanan lebih bersedia menghadapi cabaran dan menangani krisis sekiranya berlaku kerana strategi yang digariskan telah mengambil kira faktor-faktor di peringkat global dan dalam negara seperti peningkatan harga makanan dan input pertanian, perubahan iklim, pertambahan penduduk serta persaingan dengan industri bioteknologi.
2. Untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada makanan import, Kementerian melaksanakan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian. Selain daripada itu, tanah pertanian akan digunakan secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan

dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri.

3. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pula ditumpukan kepada R&D bagi peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antaranya bidang tumpuan R&D adalah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.

4. Kementerian juga akan terus membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan.

5. Selain usaha daripada pihak Kerajaan, inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara memerlukan penglibatan aktif pihak swasta. Bagi menggalakkan pihak swasta untuk terus melabur dalam pengeluaran makanan, insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru di cadang diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan Tekun dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN :LISAN
DARIPADA :DatukSeri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]
TARIKH :27 Mac 2012
SOALAN :DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP BUMBURING minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
kenapa skim bantuan beras di bawah skim SUBUR belum
dilaksanakan lagi sehingga hari ini.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

INPUT JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan semula Program SUBUR telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 18 Januari 2012. Kerajaan telah memutuskan supaya pelaksanaan semula program tersebut ditangguhkan sehingga ke satu masa yang sesuai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (BALING)
TARIKH	27.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING] minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah perkembangan modul pengajian baru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenal pada tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Transformasi kurikulum pada peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah adalah sebagai langkah dalam memantapkan sistem pendidikan di Malaysia.

Transformasi kurikulum ini melibatkan perubahan dalam bentuk kandungan, penjadualan waktu dan penekanan kepada pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan. Menerusi transformasi kurikulum elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksplisit kepada murid. Transformasi kurikulum bermatlamat untuk membentuk diri murid menjadi modal insan seimbang yang antaranya berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara,

berkeperibadian mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh, serta mempunyai ketahanan dan boleh berhadapan dengan cabaran masa kini dan masa depan serta persekitaran dunia global. Justeru, kurikulum transformasi ini menyediakan ruang dan peluang bagi memenuhi keperluan murid bagi membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif. Sebagai permulaan, mulai tahun 2011, KPM telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk Tahun 1.

Dapatan kajian pelaksanaan KSSR Tahun 1, (2011) mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan KSSR berjalan lancar. Pentadbir sekolah dan guru dapat memahami konsep KSSR dan Standard Kurikulum. Guru juga berupaya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut standard kurikulum yang telah ditetapkan. Oleh itu pentadbir dan guru berpandangan positif dan yakin dengan pelaksanaan KSSR. Murid seronok dan berminat untuk belajar kerana KSSR menekankan elemen didik hibur semasa P&P. Pemantauan berterusan akan dijalankan untuk memastikan KSSR berjalan seperti yang dihasratkan.

Kementerian berhasrat generasi yang dilahirkan berupaya menguasai bidang sains dan teknologi pada tahap tinggi. Seterusnya mereka berupaya menjana idea baru dan boleh bertindak sebagai tenaga kerja yang berkeyakinan, berinteraksi dengan dunia luar serta dapat melibatkan diri secara aktif dalam persaingan di peringkat global.

Rjm 49

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN

TARIKH: 27 MAC 2012

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan ramai majikan di negeri Sabah membayar gaji pekerja/buruh di bawah paras kadar kemiskinan dan menyebabkan pekerja tempatan tidak berminat bekerja dan berhijrah ke Semenanjung Malaysia atau Singapura disebabkan gaji yang lebih tinggi, dan kalau sedar apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melaksanakan cadangan gaji minimum yang pernah dicadangkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pekerja tempatan bekerja di Sabah.

PR-1251-L47518

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan prihatin dengan isu penghijrahan pekerja tempatan di negeri Sabah ke Semenanjung atau Singapura akibat daripada majikan di Sabah membayar gaji pekerja/buruh secara relatifnya rendah.

2. Kajian Guna Tenaga 2009 (NER 2009) dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia menunjukkan 63 peratus pekerja di Sabah berada di bawah paras gaji RM700 sebulan.

3. Bagi menangani isu gaji yang relatifnya rendah, Kerajaan telahpun merangka strategi untuk melaksanakan gaji minimum di seluruh negara termasuk Sabah melalui penggubalan Akta Majlis Perundangan Negara 2011 (Akta 732) serta penubuhan Majlis Perundangan Gaji Negara. Majlis telah mengadakan deliberasi tentang gaji minimum dan seterusnya mengemukakan syor berkenaan kadar, liputan dan penguatkuasaan gaji minimum kepada Kerajaan.

4. Kerajaan telahpun bersetuju dengan syor MPGN dan pengumuman rasmi mengenainya akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2012 sempena Hari Pekerja. Melalui pelaksanaan gaji minimum, Kerajaan menjangkakan lebih ramai pekerja tempatan di Sabah berminat untuk bekerja di negeri asal mereka dan ini boleh mengurangkan penghijrahan pekerja atas faktor perbezaan gaji.

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH 27 MAC 2012

SOALAN

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kenapa banyak kes kecuaian di hospital dan klinik perubatan yang menyebabkan kehilangan nyawa, kerosakan yang serius kepada tubuh dan komplikasi dan sebagainya dan apa langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua

Semakan daripada laporan-laporan Jawatankuasa Penyiasatan Bebas mendapati bahawa, terdapat beberapa kelemahan pada pegawai-pegawai semasa memberi rawatan dan penjagaan kepada pesakit seperti berikut:

- i. tidak mengikut *Standard Operating Procedure* (25.7%);
- ii. kesilapan mendiagnos penyakit (27.6%);
- iii. kesilapan memberi rawatan [contoh: tidak membuat rujukan kes kepada pegawai yang lebih kanan/pakar] (20.9%); dan
- iv. kecederaan pada organ dalaman semasa melakukan pembedahan [Contoh: pegawai kurang mahir dan kurang pengalaman] (25.7)%.

Perkara i-iv tersebut di atas ada berkaitan dengan beban kerja yang tinggi, kekurangan kakitangan, kurang komunikasi di antara pegawai-pegawai junior dengan pegawai kanan/pakar dan kemudahan perubatan yang tidak mencukupi (contoh: kekurangan katil di ICU).

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memperbaikinya adalah seperti berikut:

A. Langkah Jangka Pendek

- i. mengambil tindakan tatatertib serta merta jika terdapat

kecuaian yang nyata (gross negligence); dan

- ii. memberi latihan.

B. Langkah Jangka Panjang

- i. Mewujudkan “Patient Safety Council” atau Majlis Keselamatan Pesakit yang bertujuan untuk menjalankan aktiviti bagi memantau dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan keselamatan pesakit di hospital;
- ii. Menyediakan garis panduan dan buku prosedur untuk hospital- hospital bagi menentukan apa tindakan yang perlu diambil dalam keadaan-keadaan tertentu;
- iii. Memberikan perhatian kepada bidang-bidang tertentu seperti pemberian ubat, keselamatan perubatan, pemindahan darah, pengurangan kecuaian dan mengurangkan infeksi di hospital;
- iv. Pengendalian bengkel-bengkel dan seminar-seminar mengenai keselamatan pesakit bagi menyedarkan orang ramai/*stakeholders* tentang keselamatan pesakit; dan
- v. Bekerjasama dengan pihak hospital swasta dengan mengadakan pelbagai forum dan konvensyen mengenai keselamatan pesakit.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN

TARIKH: 27 MAC 2012

SOALAN:

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan

- (a) apa rasional menghalang pekerja sektor swasta dalam bidang tertentu daripada menubuhkan Kesatuan Sekerja seperti AirAsia, syarikat telekomunikasi dan lain-lain; dan
- (b) apakah langkah yang diambil untuk menjaga kebajikan dan kepentingan pekerja tanpa kesatuan ini dan apakah langkah diambil untuk memastikan gaji dan imbuhan kakitangan swasta diseiia dan bersesuaian dengan keadaan ekonomi masa kini.

PR-1251-L47604

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kementerian tidak pernah menghalang mana-mana pekerja sektor swasta dalam apa juga bidang daripada menubuhkan dan menyertai Kesatuan Sekerja sepertimana yang diperuntukkan di bawah **Akta Kesatuan Sekerja 1959**.

2. Pihak kementerian buat masa ini tidak pernah menghalang mana-mana pekerja untuk menubuhkan kesatuan sekerja dalaman (in-house) ataupun kebangsaan. Pihak Kementerian akan menimbang semua permohonan yang diterima dan sekiranya

permohonan berkenaan didapati lengkap dan teratur, permohonan itu boleh dipertimbangkan untuk didaftarkan.

3. Berhubung dengan syarikat penerbangan Air Asia, Kementerian Sumber Manusia tidak pernah menerima permohonan untuk mendaftarkan kesatuan sekerja daripada pekerja-pekerja Air Asia. Walaubagaimanapun, terdapat pekerja-pekerja Air Asia yang menyertai kesatuan kebangsaan iaitu Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Kapal Kabin Penerbangan Semenanjung Malaysia (NUFAM) yang telah didaftarkan pada 27 Januari 2012.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Bagi kesatuan dari syarikat telekomunikasi pula, Kementerian juga tidak menghalang mana-mana pekerja untuk menubuhkan kesatuan sekerja. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga kini terdapat 11 kesatuan dalaman (*in-house union*) dan sebuah kesatuan kebangsaan iaitu Kesatuan Sekerja Pekerja-Pekerja Telekomunikasi (NUTE) yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja.

5. Langkah-langkah yang diambil untuk menjaga kebajikan dan kepentingan pekerja tanpa kesatuan dan langkah yang diambil untuk memastikan gaji dan imbuhan kakitangan swasta diselia dan bersesuaian dengan keadaan ekonomi masa kini adalah seperti berikut:

- a. Menggalakkan penubuhan *Joint Consultative Committee (JCC)*, mempraktikkan *Best Practises*, menggalakkan penubuhan kelab kebajikan di tempat kerja serta mempromosikan sistem gaji berasaskan produktiviti (PLWS).

- b. Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan ke atas majikan untuk memastikan undang-undang seperti Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan & Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) yang dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian dipatuhi untuk memastikan hak dan kebajikan pekerja tidak diabaikan. Pada tahun 2011 sebanyak 45,888 pemeriksaan audit dan 5,424 pemeriksaan pembangunan telah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan akan melaksanakan gaji minimum dalam sedikit masa lagi untuk menjaga kebajikan dan kepentingan pekerja tanpa kesatuan bagi menikmati taraf hidup yang lebih baik.

<M(12Mac-12/jpm2012)/fms.29212/Zu/Gif/C/7604

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]

TARIKH 27 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta PERDANA

MENTERI menyatakan :

- (a) adakah Kementerian berhasrat ingin menaik taraf landasan kereta api di pantai timur kepada landasan elektrik berkembar; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang menyediakan perkhidmatan kereta api menghubungkan Kelantan, Terengganu dan Pahang

SOALAN NO.19

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang dalam proses menyediakan Kajian Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara yang memfokus kepada pembangunan dasar dan strategi pengangkutan awam darat di peringkat nasional bagi tempoh 20 tahun iaitu sehingga 2030. Kajian ini juga melibatkan perhubungan pengangkutan awam di antara konurbasi perbandaran di Semenanjung Malaysia merangkumi perkhidmatan rel antara bandar dan bas ekspres.

Salah satu strategi yang dicadangkan di dalam kajian tersebut adalah keperluan untuk menaik taraf laluan serta perkhidmatan rel sediaada yang menghubungkan Gemas dengan Tumpat berdasarkan peningkatan penduduk serta pembangunan perbandaran di sepanjang koridor tersebut.

SOALAN NO.19

Di peringkat seterusnya, pihak S.P.A.D akan menjalankan kajian fisibiliti untuk mengkaji perincian menaik taraf rel sama ada melibatkan pembangunan landasan elektrik berkembar atau pembangunan lain dengan mengambilkira keperluan akan datang.

Kajian Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara juga mendapati terdapatnya keperluan untuk menyediakan rangkaian rel yang menghubungkan Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Berdasarkan analisa penduduk dan teknikal, kajian mencadangkan rangkaian rel baru ini dibangunkan di antara tahun 2020 sehingga 2030 dimana rangkaian tersebut akan disambungkan ke Kuala Lumpur dan seterusnya dengan *High Speed Rail* ke bahagian utara dan selatan Semenanjung.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISA N DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR]
TARIKH	27 MAC 2012
RUJUKAN	4484

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil penyiasatan polis ke atas jenayah baling kepala babi di beberapa masjid dan surau yang berlaku baru - baru ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 sehingga kini, terdapat sebanyak dua belas (12) kejadian telah dilaporkan di seluruh negara. Kes - kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu (membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan) dan 298A Kanun Keseksaan (menyebabkan dan sebagainya di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dan sebagainya, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan).

Terdapat satu (1) kes yang telah dituduh di bawah Seksyen 298A(1) Kanun Keseksaan iaitu bersangkutan dengan Kulai/Rpt/10384/2010. Tertuduh telah di tuduh di Mahkamah pada 16 Disember 2011 serta telah disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman denda RM 2,000. Tertuduh telah dipenjarakan selama 2 bulan kerana gagal membayar denda.

Berhubung dengan jenayah baling kepala babi di beberapa masjid dan surau ini juga, daripada sebelas (11) siasatan kes yang dibuka, sebanyak empat (4) kes masih dalam siasatan polis dan enam (6) lagi kertas siasatan telah di NFA (*No Further Action*) oleh Ketua Unit Pendakwaan Negeri, Jabatan Peguam Negara.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)

TARIKH

27 MAC 2012

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kriteria- kriteria yang akan dipertimbangkan semasa mengeluarkan permit import (AP) daging babi. Kenapa ada syarikat yang baru ditubuhkan mendapat permit import tersebut manakala ada syarikat lama terlibat dalam perniagaan import tetapi tidak diberi permit import.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat-syarikat yang layak menerima permit import (AP) daging babi adalah dikehendaki memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut, iaitu:

- (i) syarikat hendaklah berdaftar di Malaysia dengan modal berbayar sekurang-kurangnya RM100,000.00,;
- (ii) memiliki kemudahan penyimpanan sejukbeku,;
- (iii) mendapat sumber daging dari negara dan loji yang telah diluluskan dan didaftarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS),; dan ;
- (iv) mematuhi kriteria berkaitan kesihatan penyakit haiwan dan kesihatan awam veterinar ketika pengimportan.

Sekiranya syarikat memenuhi kriteria-kriteria tersebut, syarikat yang berkaitan layak mendapatkan kelulusan permit import (AP). Tatacara permohonan permit import pula adalah seperti berikut:

- (i) syarikat perlu memohon kepada DVS melalui borang JPPH-MOA-05 (Memohon Kelulusan Mengimport Keratan/Daging Babi) yang boleh dimuat turun percuma melalui laman web rasmi DVS;
- (ii) permohonan yang lengkap akan dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal dan Timbangtara JPPH-MOA, secara berkala;
- (iii) syarikat yang dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diberi kebenaran untuk mengimport,;dan ;
- (iv) permit import akan dikeluarkan oleh DVS kepada syarikat berkenaan bagi setiap konsinan.

Oleh itu, tempoh penubuhan serta operasi sesebuah syarikat adalah bukan tidak menjadi kriteria bagi pertimbangan kelulusan permit import (AP) daging babi ke Malaysia.

SOALAN (21)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 27 MAC 2012 (SELASA)

**DARIPADA Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

SOALAN

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai hala tuju yang spesifik bagi pengurusan sisa pepejal di negara ini. Adakah kaedah pelupusan melalui insinerator akan diamalkan secara meluas.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mempunyai hala tuju yang jelas dan spesifik bagi pengurusan sisa pepejal di negara ini. Dengan tertubuhnya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), pengurusan sisa pepejal negara akan dapat diuruskan dengan sebaik-baiknya dengan menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang mapan, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif.

Pada masa ini, fokus pelupusan sisa pepejal adalah di tempat pelupusan sampah sanitari (*sanitary landfill*). Walau bagaimanapun, sistem pelupusan sisa pepejal melalui insinerator dikenal pasti boleh diguna pakai selain daripada teknologi-teknologi lain yang telah terbukti seperti

JAWAPAN

Material Recovery Facility (MRF), Refuse Derive Fuel (RDF), Anaerobic Digester

(AD) dan sebagainya. Pada masa ini, penggunaan insinerator adalah pada peringkat perintis.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB. DATO* HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN
ABDULLAH
KAWASAN KOTA BHARU 27 MAC SOALAN NO.: /C⁰ 2012
TARIKH
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
(SELASA)

SOALAN:

YB. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA
BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah Lebuh Raya
Pantai Timur akan dibina sehingga ke Kota Bharu, Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menajaiankan Kajian Kemungkinan Cadangan Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur, Fasa 3 - Negeri Kelantan (LPT3). Kajian yang telah disiapkan pada tahun 2009 itu antara lain telah mengenai! pasti cadangan jajaran jalan yang terlibat, iaitu dari Kg. Gemuruh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Anggaran awal kos untuk melaksanakan projek ini ialah sebanyak RM3 bilion, termasuk kos reka bentuk, pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti.

Projek LPT3 ini merupakan antara projek yang dicadangkan pelaksanaannya dalam tempoh RMKe-10 atau RMKe-11. Ini kerana projek LPT3 merupakan kesinambungan dari Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 dan Fasa 2 yang telah dikenal pasti dan disyorkan oleh Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk memperoleh kelulusan peruntukan, sekurang-kurangnya bagi tujuan reka bentuk dan pengambilan balik tanah dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10. Manakala pelaksanaan fizikal LPT3 akan dicadangkan dalam tempoh RMKe-11 kelak.

Sekian. Terima kasih.

Wo SoAtA^ • ■²³» *NO-
AyM-r46

NO-AUP-:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]
TARIKH	27 MAC 2012
RUJUKAN	4485

SOALAN

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah penyalahgunaan surat akuan untuk mendapatkan dokumen kelahiran dan kad pengenalan Malaysia; dan
- (b) statistik kes-kes yang dikesan sejak tahun 2000 dan apakah jenis tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang terlibat serta individu-individu yang menyalahgunakan kuasa dalam pengeluaran dokumen tersebut.

JAWAPAN:
Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Putatan yang bertanyakan soalan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, surat akuan berkanun digunakan sebagai dokumen tambahan sahaja dalam urusan daftar lewat kelahiran dan daftar lewat kad pengenalan. Sesuatu keputusan berkaitan daftar lewat kelahiran atau daftar lewat kad pengenalan dibuat berdasarkan kepada proses temuduga yang merupakan salah satu syarat wajib bagi kelahiran kanak-kanak yang berusia melebihi 12 tahun di hospital dan juga semua permohonan daftar lewat kelahiran yang berlaku di rumah serta bagi semua permohonan daftar lewat kad pengenalan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai rekod statistik bagi kes penipuan surat akaun berkanun kerana dalam tempoh tersebut, tiada aduan yang diterima. Walau bagaimanapun, jika terdapat kes-kes yang dikesan, pengadu hendaklah melaporkan kepada Kementerian untuk siasatan selanjutnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)

TARIKH

27.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tahap penyiapan makmal komputer di sekolah- sekolah seluruh negara, berapa jumlahnya dan berapakah kos pembinaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan kemudahan makmal komputer yang disediakan di sekolah digunakan secara optimum. Bilangan komputer yang dibekalkan di sekolah adalah berdasarkan kepada enrolmen murid dan norma peralatan mengikut kategori model makmal yang telah ditetapkan oleh KPM. Oleh yang demikian, setiap guru dan murid di sekolah yang dilengkapi dengan makmal komputer seharusnya berpeluang untuk memanfaatkan kemudahan tersebut. KPM mengambil berat dalam penyelenggaraan komputer bagi membolehkan proses p&p berbantuan komputer dapat berjalan dengan lancar di samping mewujudkan budaya penggunaan ICT di sekolah.

Untuk makluman, dari tahun 2009 hingga 2010, KPM telah membelanjakan hampir RM80 juta bagi tujuan penyelenggaraan peralatan ICT di 8,472 buah sekolah di seluruh negara. Di bawah RMKe10 untuk tahun 2011 sahaja, sebanyak 247 projek pembinaan makmal komputer telah dibina di seluruh Semenanjung Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JOSOH

TARIKH: 27 MAC 2012

SOALAN:

Tuan Haji Matulidi bin Haji Josoh [Dungun] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan gaji minimum yang telah dipersetujui bagi sektor swasta dan nyatakan mekanisme yang akan digunakan dalam pelaksanaan gaji minimum sektor swasta termasuk tenaga kerja asing tersebut.

PR-1251-L47443

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Dungun, Kerajaan telah menerima syor daripada Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) berhubung dengan kadar, liputan dan penguatkuasaan gaji minimum. Kerajaan telah pun menimbang dan bersetuju dengan kadar dan liputan gaji minimum sebagai mana syor oleh Majlis Perundingan Gaji Negara. Kadar dan liputan gaji minimum akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2012 ini.

2. Syor MPGN telah mengambilkira pendapat dan pandangan termasuk kajian oleh Bank Dunia, bengkel bersama pihak majikan dan pekerja, input daripada Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai ahli ekonomi, perangkawan dan pakar dalam ekonomi perburuhan,

taklimat serta rundingan dengan orang awam di seluruh negara. Berdasarkan kepada input yang diperolehi, MPGN mengesyorkan 5 kriteria berikut sebagai asas pengiraan kadar gaji minimum:

- i. Pendapatan garis kemiskinan;
- ii. Keupayaan majikan membayar upah;
- iii. Peningkatan produktiviti buruh;
- iv. Indeks harga pengguna; dan
- v. Kadar pengangguran;

3. Pemilihan 5 kriteria pengiraan itu bertujuan untuk menangani kesan negatif pelaksanaan gaji minimum supaya ia dapat dikawal di bawah paras yang semimumimum mungkin. Selain itu, Kerajaan memutuskan agar satu tempoh peralihan bagi melaksanakan gaji minimum untuk mengelakkan berlakunya kejutan ke atas ekonomi negara seperti peningkatan kadar pengangguran dan peningkatan harga barang yang mendadak.

4. Pelaksanaan gaji minimum adalah terpakai kepada semua pekerja dalam semua sektor sama ada pekerja tempatan mahupun pekerja asing, kecuali pekhidmat domestik.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Tuan Mohd Yusmadl bin Mohd Yusoff
[Balik Pulau]
TARIKH : 27 Mac 2012 (SELASA)
SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah tahap hasil tangkapan nelayan dan perancangan Kementerian untuk menambahkan hasil tangkapan nelayan-nelayan di sekitar Parlimen Balik Pulau.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan data statistik e-Pengisytiharan ikan LKIM, jumlah hasil pendaratan ikan di Parlimen Balik Pulau pada tahun 2011 adalah sebanyak 5,223.92 tan metrik yang bernilai RM23.4 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2010 dimana jumlah pendaratan ikan adalah sebanyak 2,038.14 tan metrik dengan nilai RM12.6 juta. Peningkatan hasil tangkapan nelayan, adalah merupakan impak daripada penyediaan dan penyelenggaraan prasarana pendaratan ikan yang baik. Terdapat beberapa prasarana pendaratan yang telah dilaksanakan untuk memudahkan nelayan mendarat hasil tangkapan antaranya ialah Kompleks LKIM Telok Bahang, jeti pendaratan Pulau Betong, Pantai Aceh, Kuala Sg Telok Bahang, Kuala Sg Burung dan Kuala Sg Pinang. Kemudahan ini memberi faedah kepada 1,939 orang nelayan di kawasan tersebut.

Di samping itu Kerajaan melalui LKIM telah membina beberapa buah Pasar Nelayan di kawasan Parlimen Balik Pulau iaitu Pasar Nelayan Unit Sungai Burong, Unit Pulau Betong, Unit Sungai Pinang, Unit Sungai Batu, Unit Telok Kumbar dan Unit Kuala Jalan Baru bagi membantu nelayan menjual hasil

tangkapan terus kepada pengguna bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Demi kesejahteraan masyarakat nelayan keseluruhannya, kerajaan melalui LKIM sedang merancang untuk meningkatkan lagi kemudahan pendaratan di sekitar kawasan Parlimen Balik Pulau.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **Y.B. TAN SRI TENGKU RAZALEIGH BIN
TENGKU HAMZAH**
(GUA MUSANG)

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **27.03.2012**

**Y.B. TAN SRI TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU HAMZAH [GUA
MUSANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci
kemajuan yang telah dicapai untuk melindungi jaminan (*guarantees*) Kerajaan
dalam syarikat Perwaja yang berjumlah berjuta-juta ringgit itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Penyata
Kewangan Kerajaan Persekutuan di bawah tajuk Penyata Akaun Memorandum
Jaminan (Penyata G2), Kerajaan hanya memberikan jaminan kepada pinjaman
Perwaja bagi tempoh 1988 hingga 1998 yang berjumlah RM4.73 bilion.

2. Pinjaman-pinjaman yang dijamin tersebut adalah bertujuan bagi
pembiayaan semula (*refinancing*) pinjaman-pinjaman yang telah diambil oleh
Perwaja sebelum ini. Kesemua pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan tersebut telah
pun dibayar sepenuhnya, dengan bayaran terakhir dibuat pada tahun 2006.
Lanjutan daripada itu, Kerajaan tidak lagi mengeluarkan apa-apa jaminan kepada
Perwaja.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHUATIAN CHANG [BATU]

TARIKH 27 MAC 2012

SOALAN

Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rasionalnya Malaysia menghentikan eksport gasolin ke Iran selepas tiga hari berjumpa dengan Presiden Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS hanya terlibat dalam penjualan secara “*spot*” untuk produk gasolin ke Republik Islam Iran. Penjualan secara “*spot*” adalah tertakluk kepada pertimbangan komersil semata-mata, termasuk kemudahan akses kepada sumber pembekalan gasolin, perkapalan dan logistik. Sehingga kini, penjualan terakhir gasolin secara “*spot*” dari PETRONAS ke Republik Islam Iran adalah pada bulan Mac 2010.

NO.SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH 27 MAC 2012

SOALAN:

YB Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta PERDANA MENTERI

menyatakan status terkini dalam penyelesaian semakan semula Skim

Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang sepatutnya

dilaksanakan pada 1 Januari 2012 lalu.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan pengumuman dalam **Majlis Perhimpunan Khas**

Penjawat Awam Bersama YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2012

(Khamis) yang lalu, struktur saraan baru Perkhidmatan Awam atau SBPA yang diperkenalkan pada 1 Januari 2012, dibatalkan, Sistem Saraan Malaysia (SSM) ditambahbaik seperti berikut:

- a) pelarasan gaji 7 - 13% berdasarkan Jadual Gaji Matriks (JGM) SSM mengikut peratusan bagi gred-gred tertentu;
- b) struktur gaji JGM di bawah SSM dipinda kepada Jadual Gaji Minimum - Maksimum dengan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi Gred 1 - 54 ditetapkan di antara RM80 hingga RM320 mengikut gred manakala KGT bagi JUSA dan ke atas ditetapkan kekal menggunakan KGT SSM dengan diberi pelarasan mengikut peratusan yang ditetapkan;
- c) kadar Bantuan Sara Hidup atau COLA bagi kawasan B dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan manakala bagi kawasan lain dinaikkan daripada RM100 sebulan kepada RM150 sebulan;
- d) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK), Bayaran Insentif Wilayah (BIW), Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) dikekalkan pelaksanaannya

mengikut peraturan sedia ada di bawah SSM; dan

- e) keputusan penambahbaikan laluan kerjaya berasaskan prinsip *time-based* Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dikekalkan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012.

Satu Suruhanjaya akan ditubuhkan yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan termasuk CUEPACS untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa bentuk perkhidmatan awam masa depan yang diperlukan negara. Suruhanjaya ini akan bekerja berasaskan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan.

Sekian, terima kasih.

	DEWAN	PEMBERITAHU PERTANYAAN
PERTANYAAN	LISAN RAKYAT	
DARIPADA	Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)	
TARIKH	27.03.2012	

SOALAN:

Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar atau tidak '*trend*' penurunan minat murid sekolah dalam pembelajaran Sains. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di negara ini, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat KPM telah digerakkan untuk mengkaji secara menyeluruh kurikulum dalam bidang akademik, teknikal dan vokasional serta mencadangkan tindakan yang diambil bagi memastikan dasar 60:40 aliran Sains dan Teknikal:Sastera di peringkat menengah atas mencapai sasaran. Bagi mengatasi kadar penyertaan murid dalam bidang Sains ini, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha dan aktiviti untuk tujuan tersebut, antaranya ialah:

- i. Mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang sains kepada murid;
- ii. Mengadakan lebih banyak program galakan sains di peringkat sekolah;
- iii. Mengadakan Program Pusat Pembelajaran Sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred C dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran Sains;
- iv. Menambahbaik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan sains; dan
- v. Menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah khususnya dalam KSSR

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, KPM turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Contohnya melalui kerjasama dengan Akademi Sains Malaysia dapat meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate, (hands-on)*; dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Kembara Sains bersama Petrosains Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olympiad*, Program *F1 Technology Challenge*, Kem *River Rangers. Science Action Team*, Hari Air Sedunia dan sebagainya.

Soalan No:

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN NEGARA**

JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA

**YB PUAN HAZAH FUZIAH
BINTI SALLEH (KUANTAN)**

TARIKH

27 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan

- (a) status pelaksanaan Pelan Strategik untuk pembangunan Orang Asli (*The Strategic Plan for the Development of the Orang Asli*); dan
- (b) status pewartaan tanah adat perkampungan Orang Asli dan pemberlan tanah untuk aktiviti ekonomi kepada Orang Asli.

Pelan Strategik ini telah dibentangkan di dalam tiga (3) mesyuarat utama kerajaan iaitu Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 September

2011, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 11 Oktober 2011 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada 21 November 2011.

Pelaksanaan Pelan Strategik ini telah bermula pada tahun 2011 dan sedang diteruskan pada tahun 2012 di bawah *Rolling Plan* Kedua (2012- 2013), Rancangan Malaysia ke-Sepuluh.

Bagi tujuan pelaksanaan Pelan Strategik ini, Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli pada tahun 2011 telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM 7.86 juta dan peruntukan mengurus berjumlah RM104.1 juta. Daripada jumlah peruntukan tersebut, Jabatan Kemajuan Orang Asli telah membelanjakan 99 peratus bagi perbelanjaan pembangunan dan 99.53 peratus pula bagi perbelanjaan mengurus.

(b) Menyentuh persoalan Yang Berhormat berhubung

status pewartaan tanah adat perkampungan Orang Asli, sebenarnya istilah tanah adat Orang Asli tidak dinyatakan dalam Akta Orang Asli (Akta 134) dan mana-mana peruntukan perundangan yang sedang berkuatkuasa.

Sebaliknya pewartaan tanah bagi kegunaan masyarakat Orang Asli terbahagi kepada dua kategori iaitu mengikut Akta Orang Asli 1954 dan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN). Pada 17 Mac 2012, Y.A.B Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan pewartaan kawasan penempatan Orang Asli seluas 10,280.82 hektar yang melibatkan 44 buah kampung di negeri Perak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan penempatan Orang Asli yang telah diwartakan berjumlah 32,055.13 hektar di seluruh Semenanjung Malaysia.

Berhubung dengan pemberian tanah untuk aktiviti ekonomi pula, perkara ini sememangnya terkandung di dalam Dasar Pemberimilikan dan manfaat secara langsung kepada 10,198 peserta

masyarakat Orang Asli di seluruh semenanjung
Malaysia.

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 27 MAC 2012

DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
[JERAI]

SOALAN :

Tuan Mohd Firdaus Bin Jaafar [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai ke semua peruntukan segera yang diluluskan sepanjang tempoh Januari - Mac 2012 semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri ke negeri-negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Peruntukan yang telah diluluskan oleh YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sepanjang tempoh **Januari - 15 Mac 2012** mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Bilangan Projek	Peruntukan (RM Juta)
1.	Wilayah Persekutuan	9	63.25
2.	Selangor	16	17.30

I

3.	Perlis	8	2.50
4.	Perak	34	220.38
5.	Sabah	1	22.77
6.	Kedah	9	4.06
7.	Pahang	10	19.80
8.	Pulau Pinang	5	5.58
9.	Sarawak	20	10.13
10.	Melaka	3	3.24
11.	Terengganu	16	28.95
12.	Kelantan	9	6.40
13.	N.Sembilan	12	2.92
14.	Johor	24	201.40
	Jumlah Keseluruhan	176	608.68

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 27 MAC 2012

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan berikutan Indeks Transperansi Negara yang semakin jatuh dan amalan rasuah semakin bertambah teruk sejak kebelakangan ini walaupun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah diperkasakan. Apakah usaha kerja untuk membanteras gejala rasuah secara menyeluruh seperti menjadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

bebas dan berkesan penuh.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABD I IT AZTZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Membanteras Rasuah merupakan tanggungjawab bersama seluruh rakyat Malaysia. Tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau kerajaan semata-mata dan setiap daripada kita mempunyai peranan masing-masing untuk dilaksanakan.

SPRM melalui NKRA Membanteras Rasuah telah mengenalpasti 3 bidang utama yang dipercayai amat terdedah kepada amalan rasuah. tiga bidang tersebut adalah

Penguatkuasaan undang-undang, Perolehan Kerajaan dan Rasuah Besar. Pelan tindakan SPRM adalah berteraskan membanteras rasuah dalam tiga (3) bidang utama yang dikenalpasti.

Bagi menjadikan SPRM lebih berkesan, Kerajaan telah bersetuju supaya pertambahan sebanyak 150 perjawatan diwujudkan setiap tahun sehingga jumlah keanggotaan SPRM mencecah kepada seramai 5,000 orang. Kerajaan juga mengambilkira pandangan bahawa bagi memperlihatkan kebebasan SPRM, maka satu Surahanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah wajar diwujudkan. Perkara ini sedang dikaji oleh pihak Kerajaan kerana ia memerlukan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Kajian juga termasuk status jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang mungkin dicadangkan sebagai sebuah jawatan berdasarkan Perlembagaan Malaysia sebagaimana pelantikan jawatan Peguam Negara, Ketua Audit Negara dan Hakim-Hakim, bagi memastikan kebebasan dan ketelusan.

Walau bagaimanapun, kejayaan dalam membanteras rasuah juga bergantung kepada kesedaran, sokongan dan penyertaan seluruh rakyat Malaysia termasuk agensi awam, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan media massa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]
TARIKH 27 MAC 2012
SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menggubal Rang Undang-Undang Kampung Persaraan (*Retirement Homes Act*) dengan tujuan menyelaraskan pembangunan Kampung Persaraan demi menarik pesara asing untuk bermastautin di Malaysia dan garis panduan pihak Kementerian terhadap hospital atau pun unit penjagaan orang tua yang diadakan di dalam Kampung Persaraan.

Warga tua berpandukan kepada *World Assembly On Aging in 1982, Vienna* ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Mengikut Statistik Jabatan Perangkaan pada tahun 2000, hanya 6 peratus daripada penduduk Malaysia berumur 60 tahun ke atas dan nisbah ini dianggarkan akan mencapai 10 peratus menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah berbanding kadar 21 peratus di negara-negara maju ketika ini, tetapi Malaysia akan termasuk dalam kategori negara yang semakin menua seperti yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan bilangan warga emas

Tuan Yang di-Pertua

melebihi 15 peratus daripada jumlah penduduk.

Dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK10), Kerajaan menyedari bahawa memanfaatkan golongan warga emas merupakan satu usaha yang bernilai. Justeru, dalam tempoh RMK10, penjagaan kesihatan dan kesejahteraan warga emas diberi penekanan yang terus supaya mereka dapat menjalani kehidupan di hari tua dengan penuh bermaruah, berdikari dan lebih bermakna sebagai sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, masyarakat dan negara. Langkah-langkah yang diambil Kerajaan sejajar dengan RMK10 adalah seperti berikut:

- a) Memberi tumpuan lebih kepada usaha meningkatkan infrastruktur yang lebih mesra warga emas;
- b) Meningkatkan akses kepada kemudahan kesihatan yang mampu dibiayai;
- c) Menyediakan rumah perlindungan yang mencukupi untuk warga emas; dan
- d) Mengukuhkan kewangan serta peluang pekerjaan.

Bantuan subsidi, pendapatan dan program bantuan kepada warga emas, adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Berpandukan kepada Dasar Warga Tua Negara, JKM juga menyediakan pusat jagaan warga tua di samping pelbagai aktiviti dan program.

Setakat ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum berhasrat untuk menggubal Rang Undang-Undang atau garis panduan untuk mewujudkan Kampung Persaraan (Retirement Homes Act).

Sebaliknya, penjagaan kesihatan yang komprehensif khusus mengenai kesihatan warga tua secara nasional dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga di bawah Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia yang merupakan bahagian yang berkuasa penuh menjalankan program-program kesihatan warga tua. Kementerian Kesihatan telah menyediakan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Tua pada tahun 1997 dan bagi memastikan penjagaan yang lebih berkesan, selaras dan menyeluruh, Dasar Kesihatan Warga Emas Negara telah dibentuk dengan mengambil kira tindakan-tindakan yang sedia ada di peringkat antarabangsa dan nasional.

Di bawah Dasar ini, strategi-strategi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah dengan mengadakan promosi kesihatan, menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan berkesinambungan, menggalakkan penyelidikan mengenai kesihatan dan isu berkaitan kesihatan warga emas dan mengukuhkan kerjasama antara agensi Kerajaan dan swasta dalam menyediakan penjagaan kesihatan

warga emas.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengambil langkah yang bijak dengan mengintegrasikan perubatan geriatrik dalam program penjagaan perubatan. Perkhidmatan pakar geriatrik diwujudkan dan diperluaskan di Hospital Seremban, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Selayang bagi membantu golongan warga emas. Usaha juga diambil bagi menyediakan perkhidmatan pemulihan yang lebih baik seperti perkhidmatan fisioterapi, audiologi, terapi pertuturan bagi warga emas yang menghadapi penyakit kronik dan mempunyai masalah kesihatan.

Di samping itu, bagi pesara asing yang bermastautin di Malaysia, sekaligus menjadi salah seorang warga emas di negara ini dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang terbaik yang disediakan di Malaysia sama ada di pusat perubatan persendirian atau hospital-hospital swasta atau hospital-hospital Kerajaan yang memberikan perkhidmatan bertaraf antarabangsa tetapi menawarkan kos yang lebih murah berbanding di negara mereka sendiri. Melalui Program Malaysia Rumah Kedua Ku atau *Malaysia My Second Home (MM2H)* yang dipromosikan Kerajaan Malaysia bagi menarik pesara asing yang memenuhi kriteria tertentu bermastautin di negara ini memberi kelebihan kepada warga emas berbangsa asing mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang sama dan berkualiti.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]

TARIKH

27 Mac 2012

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

- a) perancangan keseluruhan yang akan diambil untuk mengurangkan impak kenaikan harga makanan keperluan utama yang begitu ketara sejak beberapa tahun lepas; dan
- b) tindakan dan usaha yang diambil untuk membangunkan industri pertanian negara supaya ia bukan sahaja dapat menghasilkan makanan yang mencukupi untuk permintaan pasaran domestik malah mampu bertindak untuk mengurangkan kesan perubahan harga makanan dunia akibat perubahan cuaca dan bencana alam kebelakangan ini

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian sentiasa serius dan komited mengenai jaminan bekalan makanan dalam negara (*food security*) kerana jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan merupakan objektif utama Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020. Melalui DAN, sektor agromakanan lebih bersedia menghadapi cabaran dan menangani krisis sekiranya berlaku kerana strategi yang digariskan telah mengambil kira faktor-faktor di peringkat global dan dalam negara seperti peningkatan harga makanan dan input pertanian, perubahan iklim, pertambahan penduduk serta persaingan dengan industri bioteknologi.
2. Untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara, Kementerian melaksanakan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan

(TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian. Selain daripada itu, tanah pertanian akan digunakan secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri.

3. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pula ditumpukan kepada R&D bagi peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antaranya bidang tumpuan R&D adalah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.

4. Kementerian juga akan terus membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan.

5. Selain usaha daripada pihak Kerajaan, inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara memerlukan penglibatan aktif pihak swasta. Bagi menggalakkan pihak swasta untuk terus melabur dalam pengeluaran makanan, insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru di cadang diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan Tekun dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

6. Bagi memastikan harga makanan dapat dibeli oleh pengguna dengan harga yang berpatutan, Kementerian mengambil pendekatan seperti berikut:

- (i) Sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam usaha membendung kenaikan harga bahan makanan; dan
- (ii) mengadakan dialog bersama dengan persatuan-persatuan pengeluar bahan makanan utama bagi memastikan kenaikan harga pengeluaran berada di paras stabil dan untuk memelihara kepentingan

petani/penternak/nelayan/usahawan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
LISAN RAKYAT

DEWAN
PERTANYAAN

DARIPADA Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)

TARIKH 27.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta Menteri Pelajaran menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan penurunan murid-murid mengambil jurusan sains sehingga 30 peratus sejak tahun 2007 sehingga boleh membantutkan usaha meningkatkan inovasi teknologi ke arah transformasi ekonomi negara maju berpendapatan tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di negara ini, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat KPM telah digerakkan untuk mengkaji secara menyeluruh kurikulum dalam bidang akademik, teknikal dan vokasional serta mencadangkan tindakan yang diambil bagi memastikan dasar 60:40 aliran Sains dan Teknikal:Sastera di peringkat menengah atas mencapai sasaran. Bagi mengatasi kadar penyertaan murid dalam bidang Sains ini, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha dan aktiviti untuk tujuan tersebut, antaranya ialah:

- i. Mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang sains kepada murid;
- ii. Mengadakan lebih banyak program galakan sains di peringkat sekolah;
- iii. Mengadakan Program Pusat Pembelajaran Sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred C dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran Sains;
- iv. Menambahbaik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan sains; dan
- v. Menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah khususnya dalam KSSR

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, KPM turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Contohnya melalui kerjasama dengan Akademi Sains Malaysia dapat meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate*. (*hands-on*); dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Kembara Sains bersama Petrosains Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olympiad*, Program *F1 Technology Challenge*, Kem *River Rangers*, *Science Action Team*, Hari Air Sedunia dan sebagainya.

NO SOALAN : 37
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

**TARIKH 27.03.2012
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan secara terperinci rancangan Kerajaan membelanja RM9 billion untuk membeli 6 Offshore Patrol Vessels (OPVs) dan sama ada tender antarabangsa pernah dilaksanakan serta sebab-sebab perolehan kapal pertahanan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan enam buah *Second Generation Patrol Vessel* atau SGPV dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. sebagai kesinambungan kepada Perjanjian Penswastaan yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat pada 11 Disember 1995. Melalui perjanjian tersebut, Kerajaan telah bercadang untuk membina 27 buah kapal peronda dengan syarikat ini, dengan enam buah kapal pertama mula dibina pada tahun 1998. Kesemua enam buah kapal tersebut telah diterima oleh Kerajaan.

Keperluan oleh TLDM untuk perolehan enam buah SGPV ini adalah disebabkan 17 buah kapal miliknya telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kapal-kapal tersebut perlu diganti dengan aset baru yang termoden bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan perairan maritim Malaysia. TLDM memerlukan SGPV yang mempunyai keupayaan seperti sistem sonar pengesan kapal selam dan torpedo anti kapal selam yang dapat membantu dalam pengoperasian dua buah kapal selam dalam inventori TLDM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY
AHMAD (KUALA SELANGOR)**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 27.03.2012

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Khazanah Nasional telah mendakwa membuat keuntungan dengan menjual kepada DRB-Hicom pada harga RM5.50 sesaham sementara ketika Khazanah membeli dari PETRONAS dengan harga RM8.00 sesaham.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelupusan 42.74 peratus saham Proton Holdings Bhd (Proton) yang dipegang oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) kepada DRB-Hicom Bhd (DRB-HICOM) berjaya meraih keuntungan bagi Khazanah memandangkan kos pegangannya adalah lebih rendah berbanding harga jualan RM5.50 sesaham.

2. Sebelum pelupusan ini berlaku, Khazanah telah membeli saham Proton secara berperingkat-peringkat pada harga yang berbeza-beza, termasuk pembelian secara blok daripada Petronas, sekali gus menyederhanakan kos pegangannya. Berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh Khazanah, keputusan untuk melupuskan pegangannya dalam Proton baru-baru ini adalah

tepat pada masanya dan pada harga yang boleh diterima oleh Khazanah. Langkah ini juga adalah selari dengan mandat dan polisi Kerajaan dalam usaha untuk mentransformasikan sektor automotif negara, di mana DRB-HICOM dijangka berupaya untuk membawa Proton ke tahap seterusnya.

NO.SOALAN : 39
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TAN AH ENG 27 MAC 2012

TARIKH

SOALAN:

YB Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah untuk memastikan Biasiswa JPA tahun 2012 disalurkan kepada pelajar-pelajar SPM dan STPM dengan ketara dan mengikuti konsep 1 Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Langkah-langkah untuk memastikan Biasiswa JPA tahun 2012 disalurkan kepada penerima yang berkelayakan mengikut konsep 1 Malaysia adalah dengan mengambil kira konsep keadilan sosial dalam kajian semula dasar penajaan JPA. Ia meliputi semua aspek termasuk kecemerlangan akademik, latar belakang sosio ekonomi keluarga, kepelbagaian kaum, *socially disadvantaged* (bagi memberi peluang kepada pelajar luar bandar) dan lain-lain kriteria yang bersesuaian dalam memastikan penganugerahan biasiswa dilaksanakan secara adil dan telus tertakluk kepada keperluan Kerajaan dan negara.

Dasar baru ini juga akan mengambil kira hasrat Kerajaan untuk memartabatkan IPT dalam negara di samping memastikan kedudukan universiti tempatan yang tersenarai dalam senarai universiti terbaik dunia berada pada tahap yang lebih baik. Selain itu, fokus penajaan JPA juga akan mengambil kira penajaan pelajar lepasan pra universiti yang cemerlang dan mendapat tempat di universiti terkemuka dunia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 27 MAC 2011

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah Entry Point Programs (EPPs) yang telah diumumkan akan ditempatkan di Sabah dan Sarawak masing-masing dan langkah-langkah yang diambil oleh PEMANDU untuk memastikan bahawa kedua-dua negeri ini tidak ketinggalan dalam Economic Transformation Programme (ETP).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Matlamat ETP adalah bagi Malaysia untuk mencapai sasaran sebagai Negara berpendapatan tinggi dengan cara yang *inclusive* dan mampan. Kerajaan bertujuan untuk memastikan bahawa impak program ETP dapat dirasakan oleh seberapa ramai rakyat Malaysia yang mungkin. Ini ditunjukkan dalam kriteria yang dipilih untuk EPP; iaitu (1) Impak GNI (2) Prospek untuk menjana peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi; dan (3) Kebolehlaksanaan projek.

Kerajaan telah mengenal pasti kira-kira 72 EPP akan memberi kesan kepada negeri Sabah dan Sarawak. Beberapa EPP adalah dalam bentuk

projek manakala yang lain adalah dalam bentuk bantuan. Satu contoh EPP di Sabah dan Sarawak dalam bentuk projek adalah seperti program transformasi kedai runcit ataupun TUKAR dan penternakan Sarang Burung. Contoh lain dalam bentuk bantuan adalah seperti bantuan oleh Kerajaan untuk pekebun kecil penanaman semula kelapa sawit yang baru bagi mendapatkan hasil pulangan yang lebih tinggi.

Di samping itu, PEMANDU telah menjalankan Makmal Koridor dan Bandar bersama dengan agensi-agensi Koridor masing-masing di Sabah dan Sarawak iaitu; SEDIA dan RECODA. Makmal ini bermatlamat untuk menyelaraskan projek-projek Koridor dengan projek- projek peringkat Persekutuan, untuk perkongsian amalan terbaik dan untuk memberikan keutamaan kepada projek yang mempunyai impak tertinggi dari segi GNI dan peluang pekerjaan. Hasil daripada Makmal ini boleh dilihat seperti yang ditunjukkan semasa Hari Terbuka Sabah yang diuruskan oleh SEDIA baru-baru ini.

Kjo. soAuAtJ : A

\ NO AUM : G7

Ne-AUP-r-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

DARIPADA

27 MAC 2012

TARIKH

4487

**SOALAN
RUJUKAN**

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI DALAM NEGERI

menyatakan jumlah permohonan warganegara kanak-kanak berumur kurang dari 12 tahun disebabkan oleh sijil perkahwinan tidak sah dari tahun 2005 ke 2012 berdasarkan pecahan warganegara ibu dan bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, permohonan taraf kewarganegaraan bagi kanak-kanak berumur kurang dari 12 tahun disebabkan tiada pendaftaran perkahwinan yang sah dari tahun 2005 sehingga Februari 2012 adalah sebanyak 8,244. Kesemua permohonan ini dikemukakan oleh bapa yang bertaraf warganegara Malaysia dan ibu bertaraf bukan warganegara. Walaubagaimanapun, Kementerian tidak merekodkan pecahan warganegara ibu bagi kanak-kanak tersebut.

&> NO

SOALAN : 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. TUAN P.KAMALANATHAN
A/L P.PANCHANATHAN
(HULU SELANGOR)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH **27.03.2012**

Y.B. TUAN P.KAMALANATHAN A/L P.PANCHANATHAN [HULU SELANGOR] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan semua bantuan-bantuan serta peruntukkan daripada Kerajaan Persekutuan yang diagihkan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri yang di tadbirkan oleh parti-parti pembangkang dan sama ada Kerajaan Negeri tersebut harus memberi laporan terperinci bagaimana bantuan serta peruntukan tersebut di pakai guna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pecahan pemberian kepada negeri-negeri yang bukan ditadbir oleh Barisan Nasional iaitu Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan Kelantan bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pemberian	Pulau Pinang (RM)	Kedah (RM)	Selangor (RM)	Kelantan (RM)
1.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	23,532,240	27,846,000	62,881,620	24,578,760
2.	Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	59,685,583	151,164,666	368,356,026	100,961,018
3.	Pemberian Khas Tahunan	-	10,000	25,805,638	-

4.	Pemberian Pertambahan Hasil	14,054,417	28,019,641	34,106,197	36,311,885
5.	Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	10,000,000	29,928,251	46,907,240	21,930,518
6.	Bayaran Perkhidmatan	20,603,048	60,629,572	20,067,263	52,496,438
7.	Pemberian Di Bawah Senarai Bersama	19,626,766	22,101,926	41,382,846	17,490,308
8.	Pemberian Bantuan Bil Lampu Kepada PBT	5,245,764	3,986,674	19,690,392	1,095,647
9.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	12,802,030	23,960,506	15,959,000	28,597,000
10.	Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus				74,833,053
JUMLAH		165,549,84	347,647,23	635,156,22	358,294,627

Kesemua pemberian di atas disalurkan kepada Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Wang Disatukan Negeri yang mana perbelanjaannya tertakluk kepada kelulusan Dewan Undangan Negeri. Manakala Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pemberian Bantuan Bil Lampu disalurkan terus kepada PBT yang berkenaan.

NO. SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH 27 MAC 2012

RUJUKAN 4488

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI**

menyatakan sejak 2009 di bawah Bidang Keberhasilan Negara (NKRA), statistik pengambilan anggota polis baru mengikut bangsa dan negeri, jumlah senjata api baru yang diperolehi oleh PDRM mengikut jenis nama senjata api dan nama negara ia diperbuat.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sejumlah 15,200 orang telah dilantik sebagai pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak pengenalan dasar Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut bangsa ialah 11,819 orang bangsa Melayu, 495 orang bangsa India, 193 orang bangsa Cina dan 2,693 orang daripada lain-lain bangsa yang berasal daripada negeri Sabah dan Sarawak.

Seterusnya berkenaan jumlah senjata api baru yang diperolehi oleh PDRM mengikut jenis nama senjata api dan negara pembuatnya, sukacita

JAWAPAN :

dimaklumkan bahawa maklumat berkenaan adalah RAHSIA di atas faktor-faktor keselamatan negara. Kementerian hanya dapat memberikan perincian dari segi kos keseluruhan dan jenis senjata api yang digunakan sahaja.

Kos keseluruhan bagi pembelian senjata api pada tahun 2009 adalah bernilai RM10.6 juta terdiri daripada *service side-arm* seperti pistol dan rifle dan negara pembuat ialah Amerika Syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MANICKAVASAGAM a/l SUNDARAM [KAPAR]
TARIKH	27 MAC (SELASA)

SOALAN

Tuan Manickavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan suatu tabung khas untuk menaik taraf sosio-ekonomi masyarakat India agar mereka tidak terus terpinggir dari arus pembangunan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan satu tabung khas untuk menaik taraf sosio-ekonomi masyarakat India. Ini kerana langkah-langkah yang telah diambil selama ini adalah memadai untuk membangunkan kedudukan sosio-ekonomi kaum India.

Secara umumnya, masyarakat India telah banyak mendapat faedah hasil daripada pembangunan negara. Ini dapat ditunjukkan dari segi pendapatan isi rumah bulanan purata bagi kaum India yang telah meningkat daripada RM3,456 pada tahun 2004 kepada RM3.999 pada tahun 2009. Di samping itu, semakin ramai masyarakat India memegang jawatan-jawatan penting dan profesional dalam sektor awam dan swasta. Penyertaan guna tenaga masyarakat India pada tahun 2008 bagi doktor adalah sebanyak

NO. SOALAN: 45

19.2%, doktor gigi 15.8%, doktor veterinar 22.5% dan peguam 23.1%.

Namun demikian, tidak dinafikan masih terdapat di kalangan masyarakat India yang berpendapatan rendah dan memerlukan perhatian Kerajaan, seperti juga kumpulan etnik lain. Dalam hal ini, Kerajaan telah menyediakan program khusus bagi masyarakat India melalui program-program pembasmian kemiskinan, bantuan kewangan dan keusahawanan melalui TEKUN dan AIM, latihan kemahiran, Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja- Pekerja Estet, peluang untuk memiliki amanah saham dan sebagainya. Semua program yang dijalankan bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup dan kekayaan masyarakat India dalam jangka masa panjang dan seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk memiliki ekuiti dalam sektor korporat.

Bagi memperkemaskan lagi perancangan dan pelaksanaan program- program pembangunan bagi masyarakat India, Kerajaan juga menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Antara fungsi jawatankuasa tersebut ialah untuk memantau dan menggubal dasar dan strategi khusus bagi pembangunan sosio- ekonomi masyarakat India yang meliputi aspek-aspek pendidikan, guna tenaga, keusahawanan dan sebagainya.

Di samping itu, Kerajaan turut menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet yang berfungsi sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Kabinet tersebut untuk memantau dan memastikan perancangan serta pelaksanaan program/projek berkaitan berjalan dengan lancar.

Berasaskan penjelasan di atas, Kerajaan berharap langkah-langkah yang tersebut di atas akan terus membantu membangunkan kedudukan sosio- ekonomi masyarakat India.

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD

(PARIT SULONG)

TARIKH 27 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah mekanisme pelaksanaan program Inisiatif Pengarah Wanita (WDP) dan kelayakan wanita yang boleh menyertai program ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah *affirmative* oleh Kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Dasar ini merupakan fasa kedua perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Malaysia (KPWKM) meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan setelah Kerajaan meluluskan cadangan KPWKM berhubung Dasar Sekurang-kurangnya 30% Penyertaan Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Awam pada tahun 2004.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan kelangsungan calon wanita yang kompeten sebagai ahli lembaga pengarah, KPWKM telah melaksanakan Program Inisiatif Pengarah Wanita (WDP). Program ini adalah bagi meningkatkan
Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN:

Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah *affirmative* oleh Kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Dasar ini merupakan fasa kedua perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Malaysia (KPWKM) meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan setelah Kerajaan meluluskan cadangan KPWKM berhubung Dasar Sekurang-kurangnya 30% Penyertaan Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Awam pada tahun 2004.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan kelangsungan calon wanita yang kompeten sebagai ahli lembaga pengarah, KPWKM telah melaksanakan Program Inisiatif Pengarah Wanita (WDP). Program ini adalah bagi meningkatkan

pengetahuan serta kemahiran kritikal untuk melaksanakan peranan sebagai ahli lembaga pengarah menerusi kaedah latihan yang berstruktur, mengambil kira kemahiran teknikal dan *soft skills*.

Sesi latihan pertama telah diadakan dari 22 hingga 24 Februari 2012 manakala sebanyak 9 kursus lagi akan dilaksanakan dengan sasaran seramai 250 orang peserta pada penghujung bulan November 2012. Selepas tamat latihan, para peserta program akan melalui latihan simulasi pengarah bagi membiasakan mereka dengan situasi serta cabaran sebenar yang perlu dihadapi sebagai ahli lembaga pengarah.

Selain itu, satu daftar (*registry*) ahli lembaga pengarah wanita juga telah diwujudkan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada bulan April 2012 sebagai sumber calon wanita korporat yang kompeten dan sesuai dilantik sebagai ahli lembaga pengarah.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai salah satu usaha advokasi program ini, KPWKM telah merangka

beberapa sesi *roadshow* dan pertemuan dengan wanita yang berpotensi
di

peringkat negeri. Selain mempromosi dan mendapatkan calon yang berpotensi, *roadshow* ini bertujuan untuk memastikan bahawa calon yang diterima tidak hanya tertumpu kepada mereka yang berpangkalan di Kuala Lumpur.

Berhubung kelayakan menyertai program ini, tumpuan adalah kepada wanita dalam sektor awam yang berada dalam jawatan JUSA ke atas terutama mereka yang akan bersara dan wanita dalam sektor korporat yang berada dalam jawatan yang dikenali sebagai C - *Suite* seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi. Walau bagaimanapun, KPWKM bersedia menimbangkan permohonan daripada mana-mana wanita yang berkelayakan dan berpengalaman.

NO-SoALAM:

K b **NO-AUM**

r-72

Ne-AUP—:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 27 MAC 2012

RUJUKAN : 4652

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan terhadap pegawai- pegawai SPRM dalam kes Teoh Beng Hock selaras dengan keputusan Suruhanjaya DiRaja dan kenapa tiada sebarang tindakan diambil sehingga sekarang.
JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis sedang mengumpulkan keterangan dan bukti berkaitan laporan Suruhanjaya DiRaja dimana terdapat beberapa pegawai SPRM terlibat dengan siasatan terhadap si mati. Kertas siasatan tersebut kemudiannya akan dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan

selanjutnya.

SOALAN (47)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 27 MAC 2012 (SELASA)

DARIPADA Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

SOALAN

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- a) sama ada Kementerian boleh menanggung kos penyelenggaraan dan tidak mengenakan bayaran penggunaan tandas terhadap orang awam terutamanya Terminal Bas Pudu Sentral dan lain-lain tempat awam yang banyak digunakan oleh rakyat berpendapatan rendah; dan
- b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan semua tandas awam atau kemudahan awam dalam keadaan baik untuk kegunaan semua lapisan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pihak operator tandas mengenakan bayaran bagi menanggung kos perkhidmatan pembersihan, pembelian barangan cucian serta bayaran upah orang yang menjaga tandas tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula boleh mengenakan caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam melalui Akta Kerajaan Tempatan 1974, Undang-Undang Kecil Tandas Awam klausa 8(1). Sehubungan itu, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menanggung kos penyelenggaraan tersebut.

- (b) Kementerian sedia maklum bahawa masih terdapat banyak rungutan terhadap kebersihan tandas awam oleh pengguna sama ada milik persendirian atau pun PBT. Bagi memastikan semua tandas awam berada dalam keadaan baik, Kementerian secara berterusan

memupuk budaya kebersihan tandas di kalangan orang awam melalui pelbagai pendekatan, antaranya adalah:

(i) Kempen Kesedaran Awam (Orang Awam)

Pihak Kementerian telah menjalankan kempen kesedaran kepada orang awam dengan mengadakan Hari Tandas Sedunia yang disambut pada 19 November setiap tahun.

(ii) Anugerah Pertandingan Tandas Bersih 1 Malaysia

Kementerian menganjurkan Anugerah Pertandingan Tandas Bersih 1 Malaysia bagi menggalakkan operator tandas awam ini mewujudkan tandas bertaraf 5 Bintang.

(iii) Pengauditan Tandas Pejabat Di Putrajaya

Mulai tahun ini, Kementerian juga telah melaksanakan pemeriksaan dan pengauditan semua tandas-tandas di jabatan Kerajaan sekitar Putrajaya.

(iv) Pengauditan Tandas di seluruh Malaysia melalui PBT

Semenjak tahun 2007, pemeriksaan dan pengauditan tandas telah dilaksanakan di semua PBT, antaranya tandas awam milik PBT, tandas kedai makan, tandas pusat beli-belah, tandas stesen minyak dan lain-lain.

(v) Kursus-kursus

Bagi meningkatkan tahap kecekapan pengauditan tandas ini, Kementerian telah mengambil inisiatif mengadakan Kursus Pengauditan dan Penarafan Bintang Kebersihan Tandas Awam kepada pegawai di PBT.

(vi) Kerjasama NGO

Kementerian juga bekerjasama dengan Persatuan Bilik Air Berkualiti (QRAM) untuk penganjuran pertandingan reka bentuk tandas awam pada tahun 2006. QRAM juga terlibat sebagai ahli panel dalam penjurian Pertandingan Anugerah Tandas Bersih 1 Malaysia. Selain itu, QRAM juga membantu PBT dalam mewujudkan program tandas bersih di kawasan seliaan PBT

(iv) Pengauditan Tandas di seluruh Malaysia melalui PBT

Semenjak tahun 2007, pemeriksaan dan pengauditan tandas telah dilaksanakan di semua PBT, antaranya tandas awam milik PBT, tandas kedai makan, tandas pusat beli-belah, tandas stesen minyak dan lain-lain.

(v) Kursus-kursus

Bagi meningkatkan tahap kecekapan pengauditan tandas ini, Kementerian telah mengambil inisiatif mengadakan Kursus Pengauditan dan Penarafan Bintang Kebersihan Tandas Awam kepada pegawai di PBT.

(vi) Kerjasama NGO

Kementerian juga bekerjasama dengan Persatuan Bilik Air Berkualiti (QRAM) untuk penganjuran pertandingan reka bentuk tandas awam pada tahun 2006. QRAM juga terlibat sebagai ahli panel dalam penjurian Pertandingan Anugerah Tandas Bersih 1 Malaysia. Selain itu, QRAM juga membantu PBT dalam mewujudkan program tandas

bersih di kawasan seliaan PBT

(Contoh: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Bandar Raya Hang Tuah Jaya, Majlis Bandar Raya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Kemaman).

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA

TARIKH

27 MAC 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan

Minta PERDANA MENTERI menyatakan pendekatan terkini yang dilakukan oleh FELDA dalam isu Kadar Perahan Gred (KPG) sawit bagi memastikan KPG berada di paras sekurang-kurangnya 23%.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan kadar perahan gred atau KPG bagi hasil buah tandan segar (BTS) yang dihantar oleh peneroka, samada naik atau turun, bergantung kepada kualiti BTS yang diterima oleh kilang. Pemberian KPG adalah berdasarkan kepada greeding yang dibuat oleh gredar iaitu MQI (*Mill Quality Inspector*) yang

berpandukan kepada Manual Pengredan BTS yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). MPOB adalah pihak berkuasa yang berkaitan industri sawit dan sebuah badan bebas yang mengeluarkan garis panduan pengredan BTS. Pengredan Buah Tandan Segar (BTS) dilaksanakan untuk meningkatkan kadar perahan minyak. Kadar perahan digred (KPG) yang diberikan kepada peneroka selepas BTS mereka digred adalah mengikut panduan yang ditetapkan. FELDA telah mengedarkan buku panduan pengredan oleh MPOB kepada pemimpin peneroka di tanah rancangan.

Bagi memastikan perkara ini berjalan lancar, pihak FELDA telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai *Joint Consultative Council* (JCC) di peringkat kilang yang dianggotai oleh Pengurus Rancangan, Pengurus Kilang dan Timbalan Naib Pengerusi yang mewakili peneroka. Tugas JCC ini untuk menyelesaikan isu kilang antara peneroka dan kilang, penetapan jadual penghantaran, kempen kesedaran bagi meningkatkan penghantaran BTS masak dan latihan kepada penuai dan pemandu lori.

Di peringkat Ibu pejabat pula, jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Bertindak Khas (STFC) yang dianggotai oleh FELDA, FELDA Palm Industries Sdn. Bhd. (FPISB), Ketua Peneroka yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah FELDA dan seorang Ahli Yang Berhormat dalam Lembaga Pengarah FELDA. Jawatankuasa ini akan memantau aktiviti JCC dan mengadakan mesyuarat pada setiap bulan. KPG setiap Kilang adalah antara agenda utama yang dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan dan pemantauan akan sentiasa dilakukan.

Kerja-kerja penggredan di kilang diletakkan di bawah seliaan Jabatan Kualiti dan Alam Sekitar dari FELDA Agriculture Services Sdn. Bhd. (FASSB). FASSB merupakan badan yang berkecuali melalui MQI dan pihak kilang tidak dibenarkan sama sekali mengganggu atau mengubah keputusan yang telah dibuat oleh MQI.

000000000000000000

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 27 MAC 2012 (SELASA)

DARIPADA Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]

SOALAN

Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah PPR yang disewakan/dimiliki sendiri bagi Sabah dan Sarawak sehingga 2011. Berapa jumlah rakyat yang layak mendapat bantuan ini dan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan agar rumah-rumah yang disewakan itu ditukar kepada status milik sendiri oleh penghuninya.

JAWAPAN

SOALAN (49)

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2011, terdapat sebanyak 11,031 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Sabah yang telah siap dibina dan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan untuk pengisian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10,599 unit telah diisi dan 432 unit lagi masih dalam pelbagai peringkat penawaran. Manakala bagi negeri Sarawak, sebanyak 1,016 unit telah siap dibina dan diserahkan kepada PBN/PBT untuk pengisian. Kesemua unit tersebut telah diisi.

Dari segi penjualan, Jemaah Menteri telah meluluskan penjualan rumah PPR Disewa di seluruh negara. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menjual rumah-rumah tersebut tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri berkenaan. Pada masa ini, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak masih mengekalkan konsep sewa.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Mac 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN (51)

TARIKH 27 MAC 2012 (SELASA)

DARI PADA Y.B. DATUKTIONG THAI KING
[LANANG]

SOALAN

Y.B. DATUK TIONG THAI KING [LANANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan penduduk di Sibu Jaya, Sibu yang meningkat setiap tahun, bilakah Kerajaan merancang untuk membina sebuah balai bomba dan penyelamat di Sibu Jaya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada dasarnya sentiasa mengkaji keperluan perkhidmatan kebombaan di seluruh negara dari semasa ke semasa. Berdasarkan kepada kajian tersebut, Jabatan akan mengemukakan cadangan permohonan balai bomba baru dalam Rancangan Malaysia Lima tahun.

Memandangkan peruntukan yang terhad, pembinaan sesebuah balai bomba baru akan dibuat mengikut keutamaan berdasarkan risiko kebakaran yang lebih tinggi dan jarak perjalanan dari balai terdekat. Pada masa ini Sibujaya mendapat perlindungan dari Balai Bomba dan Penyelamat Sentral dan Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Merah.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SERI
GADING]
TARIKH 27 MAC 2012 [SELASA]

SOALAN

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Seri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah penyelarasan gaji dan elaun guru-guru KAFA dapat dilaksanakan agar kelayakan dan pengalaman yang mereka miliki mendapat imbuhan yang setara seperti guru-guru j-Qaf di Kementerian Pelajaran Malaysia.

JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan guru-guru KAFA di seluruh negara. Walau bagaimana pun, terdapat perbezaan antara bidang tugas guru KAFA dengan guru J-Qaf. Antaranya, guru J-Qaf Kementerian Pelajaran Malaysia adalah penjawat awam yang bertugas sepenuh masa dan dibayar gaji. Guru KAFA pula adalah jawatan sambilan dengan kelayakan

|

paling minimum iaitu layak bagi mereka yang memiliki SPM sahaja dengan lulus dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Mereka mengajar 3 jam sehari, dengan kiraan 9 jam seminggu atau 3 kali seminggu. Guru-guru ini tidak mengikuti mana-mana kursus asas perguruan dari mana-mana institusi perguruan. Berdasarkan jumlah jam mengajar yang minimum inilah mereka hanya dibayar elaun dan bukan diberi jawatan tetap atau berskim.

Manakala guru-guru j-Qaf pula, mereka disyaratkan memiliki sekurang- kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian Islam atau Bahasa Arab sama ada dari universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan dan mereka merupakan guru-guru terlatih. Mereka juga mengajar 5 hari seminggu mengikut waktu persekolahan dan gaji mereka dibayar berdasarkan ijazah yang dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISA
N**

DARIPADA **YB. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN
BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]**

TARIKH **SELASA, 27 MAC 2012 08 [PR-**

RUJUKAN **1251-L47765]**

SOALAN

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan strategi pemantapan prasarana sokongan seperti tempat letak kereta, surau, dewan serbaguna, padang atau taman permainan dan sebagainya di kawasan perumahan yang diurus tadbir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sejajar dengan aspirasi untuk meningkatkan keceriaan dan kesejahteraan hidup warga di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Setiawangsa, terdapat sejumlah 24 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dibina di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah pelaksanaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sejumlah 23 PPR telah diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), manakala 1 (satu) lagi PPR iaitu PPR Bukit Jalil I dan II yang masih belum diserahkan kepada DBKL. PPR Bukit Jalil I dan II dijangka diserahkan pada bulan Mei 2012.

Di dalam pembangunan PPR tersebut, pihak KPKT telah menyediakan beberapa kemudahan asas untuk keperluan penduduk PPR iaitu unit-unit kedai, surau dan dewan masyarakat yang disediakan di bawah blok PPR tersebut. Di samping itu, telah disediakan juga kemudahan rekreasi, tempat letak kereta dan motosikal. Penyediaan kemudahan-kemudahan awam oleh KPKT adalah terhad, bergantung kepada keluasan tapak dan jumlah unit PPR yang disediakan di setiap kawasan PPR.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia maklum dengan peningkatan taraf hidup warga Kuala Lumpur terutamanya kepada mereka yang mendiami kawasan PPR. Adalah mustahak bahawa kemudahan-kemudahan masyarakat yang lebih lengkap perlu disediakan seperti surau dan dewan masyarakat.

Kemudahan ini menjadi 'venue' sebagai tempat tumpuan untuk

masyarakat berbilang bangsa berinteraksi satu sama lain dan mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu, keperluan tempat letak kereta adalah amat perlu disediakan bagi menampung pertumbuhan jumlah kenderaan yang dimiliki oleh penghuni PPR.

Bagi tujuan ini, DBKL telah berusaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan masyarakat meliputi pusat komuniti, dewan masyarakat dan medan selera. Pada masa ini, terdapat lima (5) kawasan PPR yang telah siap dibina dengan kemudahan berkenaan iaitu PPR Pekan Batu, PPR Taman Wahyu II, PPR Cochrane, PPR Kg. Limau dan PPR Kg. Bharu Air Panas. Manakala, terdapat dua (2) lagi kawasan yang melibatkan pembinaan surau dan pusat komuniti iaitu di kawasan PPR Sg. Bonus dan PPR Seri Alam .

Walau bagaimanapun, pada masa ini tiada tapak yang bersesuaian bagi tujuan penyediaan tempat letak kereta. Ini disebabkan oleh ruang yang terhad di kawasan PPR dan kawasan lapang yang sedia ada telah dikhususkan untuk pembangunan lain, terutamanya kawasan untuk aktiviti-aktiviti rekreasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL)

TARIKH

27 MAC 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a)Apakah perancangan pembangunan rumah generasi kedua FELDA di Gugusan Palong, Jempol; dan
- (b)Berapakah bilangan rumah yang akan dibina dan bilakah ia akan mula dilaksanakan.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan perumahan generasi kedua FELDA di Gugusan Palong iaitu pembangunan fasa kedua (2) di FELDAjaya Raja Alias, Jempol masih belum dapat dilaksanakan memandangkan ia masih berada di peringkat kajian dan perbincangan.

Namun begitu, pembangunan fasa pertama (1) telah pun siap sepenuhnya pada tahun 2007. Sebagaiman Yang Berhormat sedia maklum, pembangunan fasa pertama mengandungi komponen seperti kediaman moden sebanyak 88 unit, 10 unit kedai, kompleks tadbiran FELDA, Kolej Integrasi Ilmu (KINI), taman rekreasi, pusat perniagaan, stesen bas, pasar, surau dan pusat pentadbiran FELDA Wilayah Raja Alias. Projek tersebut sehingga kini telah melibatkan kos sebanyak RM93.1 juta.

FELDA ada menerima cadangan bersama dari Unit Perancang Ekonomi Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Jempol bagi sama-sama membangunkan kawasan dimaksudkan ini dengan melibatkan pembinaan kompleks Pejabat Kerajaan, kemudahan stadium, dataran dan sebagainya yang merangkumi perancangan bagi mewujudkan Bandar Baru Jempol. Mengenai cadangan pembinaan rumah kos rendah di bawah projek Perumahan Warga FELDA (PWF) dalam fasa kedua (2), dijangka dimulakan selepas mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Komponen-komponen terlibat seperti rumah teres kos sederhana rendah sebanyak 150 unit, rumah teres kos rendah sebanyak 400 unit dan 10 unit kedai setingkat. Anggaran awal kos bagi projek PWF ini adalah sebanyak RM50 juta.

Pembangunan FELDAjaya Raja Alias fasa kedua akan diteruskan dengan projek baru seperti kediaman moden, Perumahan Warga FELDA (PWF) dan pusat perniagaan. FELDAjaya di Raja Alias ini tidak melibatkan tanah peneroka dan akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

oooooooooooooooooooo

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN	DARI
PADA	YB. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]	
TARIKH RUJUKAN	SELASA, 27 MAC 2012	
SOALAN	09 [PR-1251-L47803]	

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan rancangan DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya paling bersih dan terbaik di dunia menjelang 2020 walhal masalah harian Kuala Lumpur seperti pembersihan bandar dan kesesakan lalu lintas masih gagal untuk ditangani sehingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memang berusaha secara bersungguh-sungguh untuk menjadikan Kuala Lumpur bersih dan indah. Namun begitu, tidak dinafikan masih terdapat gejala pelbagai sampah haram di sesetengah kawasan yang boleh menyebabkan kekotoran. Justeru, kebersihan alam sekitar dari aspek kawalan pembuangan sampah haram memerlukan sistem pemantauan yang cekap disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang tegas.

Mulai 1 September 2011, urusan pembersihan dan pelupusan sampah dan sisa pepejal telah diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Negara dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), namun tanggungjawab kebersihan bandar masih dipikul oleh DBKL selagi mana dalam tempoh interim sehingga 1 September 2012. Ini termaktub dalam Akta 672 dan 673 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Pelaksanaan kerja-kerja pembersihan untuk kawasan-kawasan pembuangan sampah secara haram, dipantau melalui laporan rondaan pegawai dari Pejabat Cawangan dan tindakan kawalan denggi oleh Jabatan di DBKL serta melalui pelbagai sumber maklumat orang awam. Jika pelaksanaan kerja oleh Alam Flora Sdn Bhd melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam tidak

memadai, DBKL juga turut menghantar "Flying Squad" untuk membantu menyelesaikan masalah sampah haram tersebut.

Masalah kesesakan lalulintas pula adalah merupakan masalah yang sering dihadapi oleh bandar-bandar besar di dunia, tidak terkecuali Bandaraya Kuala Lumpur. Pada amnya, kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur hanya berlaku di jalan-jalan utama tertentu dan pada masa-masa tertentu akibat dari peningkatan isipadu yang tinggi dan insiden-insiden yang menghalang aliran lalulintas berlaku. Pada keseluruhannya, keadaannya masih terkawal. Pada masa yang sama, beberapa langkah dan usaha untuk menambahbaik sistem rel, menambah kemudahan '*Park and Ride*' dan mengadakan rangkaian pejalan kaki sedang giat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Selain itu, Deraf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah mencadangkan pelbagai langkah seperti membangunkan sistem transit dan Terminal Pengangkutan Bersepadu, meningkatkan perkhidmatan teksi, memberikan keutamaan kepada perkhidmatan bas bagi meningkatkan kecekapan sistem,

mengurangkan kenderaan *Single Occupant Vehicle* (SOV) memasuki pusat Bandar, mengawal penawaran dan agihan tempat letak kereta bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan menggunakan data ITIS untuk menguruskan lalulintas. Usaha-usaha tersebut apabila siap sepenuhnya kelak dijangka akan meningkatkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam dan seterusnya mengurangkan jumlah bilangan kenderaan persendirian yang mengakibatkan masalah kesesakan lalulintas.

Kementerian ini percaya sekiranya masalah-masalah berkenaan ditangani dengan sewajarnya, maka Kuala Lumpur boleh menjadi antara bandaraya yang bersih dan terbaik untuk didiami.

Sehingga kini, FAMA telah membangunkan sebanyak 117 Agrobazaar K-Shoppe di seluruh Negara melibatkan 117 usahawan teraju pemasar dan 2,060 orang usahawan PKS makanan, terutama yang melibatkan usahawan mikro. Bilangan usahawan yang mendapat faedah langsung daripada penubuhan Agrobazaar K-Shoppe FAMA ini adalah seramai 15,304 iaitu bersamaan 13.46% daripada jumlah keseluruhan usahawan PKS makanan di bawah bimbingan FAMA. Nilai jualan produk PKS menerusi keseluruhan rangkaian Agrobazaar K-Shoppe pada tahun 2011 adalah sebanyak RM 41 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan]**

TARIKH **27 MAC 2012 (SELASA)**

SOALAN **56**

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan

- (a) sebab-sebab 38 set EMU (*Electrified Multiple Units*) bergerabak 6 yang ditempah dari China itu setakat ini masih belum digunakan seperti yang dijadualkan walaupun separuh daripadanya telah diterima sekian lama; dan**
- (b) sila nyatakan jadual penyerahan semua unit berkenaan dan jadual guna pakai pihak KTMB mengikut panduan NKRA-UPT (Bidang Keberhasilan Utama Negara-Pengangkutan Awam Bandar).**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Sehingga kini sebanyak 18 set SCS EMU telah diterima daripada CSR ZHUZHOU ELECTRIC LOCOMOTIVE CO., LTD (ZELC). Daripada jumlah tersebut sebanyak 6 set telah beroperasi secara berperingkat bermula 8 Mac 2012. Manakala selebihnya sedang menjalani proses pengujian dan pentauliahan di Batu Gajah. Pada awal perancangan, sebanyak 4 set pertama dijadualkan beroperasi pada penghujung Disember 2011. Walau bagaimanapun pihak Kementerian Pengangkutan dan KTMB telah meletakkan syarat tambahan dalam skop pengujian dan pentauliahan yang mana pengujian perlu dijalankan ke atas semua laluan bagi memastikan keselamatan tren dan pengguna terjamin. Ini menyebabkan tren ini hanya beroperasi pada 8 Mac 2012 setelah mendapat sijil Permission For Commercial Operation (PFCO) dan kelulusan daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 5 Mac 2012.
- (b) Jadual penyerahan dan guna pakai SCS EMU

Tarikh penyerahan dan guna pakai SCS	Bil SCS (Jangkaan)
Mac 2012	10 set
April 2012	8 set
Mei 2012	10 set
Jun 2012	10 set
Jumlah keseluruhan	38 set

Walau bagaimanapun, jadual ini adalah tertakluk kepada pengujian dan pentauliahan diperingkat akhir serta kelulusan daripada pihak SPAD serta penganugerahan sijil PFCO.

PESiBERgTAHUAM PERTANYAAM DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : *PUAM FONG PO KUAN*

[BATU GAJAH]

JAWAPAN: YB DATUK HAJB AHMAD BIN HAJB MAS LAN

TARIKH : 27 MAC 2012 (SELASA)

SQALAN

Puan Fong F© Kuan [Batu Gajah] minta PERDANA SIEWTERS menyatakan apakah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat akan mengambil langkah mengurangkan tambang kos ETS dari Ipoh ke KL Sentral memandangkan “shuttle train” telah ditamatkan. Berikan pecahan pengguna ETS mengikut jadual waktu perjalanan untuk tempoh 3 bulan terakhir ini.

T1M6ALAN MENTERI D8 JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan ETS telah mula dilancarkan pada 12 Ogos 2010. Pada masa ini, perkhidmatan ETS menawarkan tiga jenis perkhidmatan iaitu Platinum, Gold dan Silver untuk perjalanan daripada Ipoh ke Kuala Lumpur. Kadar tambang yang ditawarkan bagi Platinum adalah pada harga RM45, Gold pada harga RM35 dan Silver pada harga RM25 sehalu.

Pihak KTMB telah mengambil langkah untuk mengurangkan tambang tren ETS dari Ipoh ke Kuala Lumpur berikutan penamatan perkhidmatan 'shuttle train' dengan memperkenalkan produk baru seperti berikut:

i. Tambang Zon Murah (Low Zone Fare)

Tambang Zon Murah mula diperkenalkan pada 1 Mei 2011. Produk ini merupakan satu konsep tambang murah dengan harga tiket ditawarkan di antara RM6.00 hingga RM10.00 bagi setiap zon. Tambang mengikut zon dibahagikan kepada empat (4) seperti berikut:-

Zon A -	Tapah Road - Ipoh
Zon B -	Slim River - Kuala Lumpur
Zon C -	Kuala Lumpur Sentral - Seremban
Zon D -	Seremban - Kuala Lumpur Sentral

ii. Koc 1 Rakyat

Koc 1 Rakyat mula diperkenalkan pada 1 Julai 2011. Produk ini menawarkan kadar tambang murah iaitu RM16.00 sehalu bagi perjalanan dari Ipoh - Kuala Lumpur pergi dan balik bagi perkhidmatan Gold dan Silver sahaja. Perkhidmatan ETS hanya

JAWAPAN: YB DATUK HAJB AHMAD BIN HAJB MAS LAN

menawarkan tempat duduk yang terhad bagi setiap perjalanan dan hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja. Untuk mnenikmati tambang istimewa ini, penumpang perlu membeli tiket sekurang-kurangnya dua (2) minggu lebih awal sebelum tarikh perjalanan.

Berikut adalah pecahan jumlah penumpang perkhidmatan ETS mengikut jadual waktu perjalanan bagi bulan Disember 2011 hingga Februari 2012.

No. Tren,	Servis	Destinasi	Masa		Dis. 2011	Jan. 2012	Feb. 2012
			Bertolak	Tiba			
ET01 - 9201	Platinum	Ipoh - KL Sentral	8.30 pagi	10.27 pagi	3,427	2,861	2,442
ET02 - 9202		KL Sentral - Ipoh	8.00 pagi	9.58 pagi	2,285	1,908	1,628
ET21 - 9301	Gold	Ipoh - KL Sentral	5.30 pagi	7.46 pagi	14,850	12,400	10,583
ET24 - 9304		KL Sentral - Ipoh	10.45 pagi	1.01 petang	6,854	5,723	4,884
ET25 - 9305		Ipoh - KL Sentral	11.15 pagi	1.31 petang	11,423	9,538	8,140
ET26 - 9306		KL Sentral - Ipoh	2.00 petang	4.16 petang	18,276	15,261	13,025
ET29 - 9309		Ipoh - KL Sentral	3.00 petang	5.16 petang	3,427	2,861	2,442
ET30-9310		KL Sentral - Ipoh	5.35 petang	7.51 malam	4,569	3,815	3,256
ET31 - 9311		Ipoh - KL Sentral	4.00 petang	6.16 petang	4,569	3,815	3,256
ET53 - 9403		Silver	Ipoh - KL Sentral	6.15 petang	8.38 malam	7,996	6,677
ET54 - 9404	KL Sentral - Ipoh		9.00 malam	11.30 malam	7,996	6,677	5,698
ET62 - 9502	Seremban - Ipoh		11.00 pagi	2.32 petang	12,565	10,492	8,954
ET63 - 9503	Ipoh - Seremban		2.00 petang	5.25 petang	6,854	5,723	4,884
ET64 - 9504	Seremban - Ipoh		6.00 petang	9.32 malam	9,138	7,631	6,512
JUMLAH PENUMPANG					114,227	95,382	81,404

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA YB IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

TARIKH 27 MAC 2012

SOALAN:

YB Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang cadangan pengurangan kakitangan Kerajaan yang dikatakan terlalu ramai. Berapakah jumlah kakitangan Kerajaan yang sebenar dan apakah pula perbandingan dengan negara-negara lain khususnya negara maju. Apakah Kerajaan berpendapat bahawa kakitangan Kerajaan cekap dan berkesan khususnya dalam menjayakan program ETP dan GTP negara.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 1 Julai 2011, jumlah penjawat awam adalah sebanyak 1.54 juta yang mana hampir 63% daripada jumlah berkenaan berada dalam perkhidmatan kritikal yang perlu diseimbangkan dengan keperluan semasa negara iaitu pendidikan, kesihatan dan keselamatan/ ketenteraman awam. Perbandingan dengan negara maju tidak wajar dibuat kerana kebanyakan negara tersebut tidak mengambil kira perkhidmatan di atas dan juga pihak berkuasa tempatan sebagai perkhidmatan awam.

Adalah diyakini bahawa kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang diberi merupakan kriteria yang perlu ada pada penjawat awam bagi merealisasikan dasar Kerajaan termasuk program ETP dan GTP negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN
TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
27 MAC 2012 (SELASA)
NO. 59

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh PTPTN kepada pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS dan cadangan-cadangan alternatif untuk membolehkan pelajar-pelajar miskin untuk mendapatkan kelayakan pembelajaran yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2012, PTPTN telah meluluskan sebanyak 1,942,780 pembiayaan pendidikan kepada semua pelajar yang layak di IPTA dan IPTS dengan jumlah keseluruhan amaun sehingga pelajar tamat pengajian sebanyak RM43.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,348,765 pembiayaan pendidikan telah diluluskan kepada pelajar di IPTA dengan amaun keseluruhan yang terlibat sebanyak RM23.4 bilion. Manakala sejumlah 594,015 pembiayaan pendidikan telah diluluskan kepada pelajar di IPTS melibatkan amaun keseluruhan yang terlibat sebanyak RM19.8 bilion.

Untuk makluman juga, berdasarkan kaedah sedia, pelajar kurang berkemampuan iaitu ibu bapa berpendapatan bersih di bawah RM4.000 sebulan yang pertama kali ditawarkan ke IPTA atau Politeknik boleh memohon Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) sebanyak RM1.500 daripada PTPTN ketika membuat permohonan kemasukan ke IPTA/Politeknik. Pemberian WPP ini adalah sebagai persediaan kepada pelajar miskin untuk menampung keperluan sebelum memasuki IPTA/Politeknik. Ia juga merupakan sebahagian daripada pembiayaan yang akan diluluskan apabila pelajar memohon pembiayaan pendidikan PTPTN. Di samping itu, pelajar yang terlibat juga akan menerima kadar pembiayaan penuh yang merangkumi yuran pengajian dan kos sara hidup apabila diluluskan pembiayaan pendidikan PTPTN.

NO. SOALAN:60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] TARIKH

: 27 MAC 2012

SOALAN

Y.B. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebab-sebab Kerajaan Persekutuan akan memanjangkan perjanjian konsesi Jambatan Pulau Pinang dengan UEM PLUS ke tahun 2038.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi Jambatan Pulau Pinang yang pada asalnya akan tamat pada tahun 2021 ke tahun 2038 kerana Kerajaan telah menstrukturkan kadar tol Jambatan Pulau Pinang di mana kadar tol ditetapkan pada kadar sedia ada iaitu RM7.00 bagi kenderaan kelas 2 (kereta) dan tak akan dinaikkan sehingga tahun 2038.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, penstrukturan semula kadar tol Jambatan Pulau Pinang ini adalah sebahagian daripada pakej penstrukturan semula kadar tol bagi lebuh raya - lebuh raya yang diambil alih oleh UEM Group Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang melibatkan 5 syarikat konsesi seperti berikut:

1. Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad (PLUS);
2. Expressway Lingkaran Tengah Sdn. Bhd. (ELITE);
3. Linkedua (Malaysia) Berhad (LINKEDUA);
4. Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim (KLBK) Sdn. Bhd. (KLBK); dan
5. Penang Bridge Sdn. Bhd. (PBSB).

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah bersetuju untuk menyelaraskan tempoh bagi kelima-lima konsesi ini supaya tamat pada tahun 2038.

tJO- soALAkJ :

6 I -N©-AUM-

^3£*

NQ-AW-:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

TUAN WONG HO LENG [SIBU]

DARIPADA

27 MAC 2012

TARIKH

4638

**SOALAN:
RUJUKAN:**

Tuan Wong Ho Leng [SibU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

(a) memandangkan kes pembunuhan dan jenayah-jenayah lain yang berlaku di SibU kebelakangan ini, apakah langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan SibU; dan

(b) berikutan kekurangan pegawai polis di SibU untuk mengendalikan kes dan menjalankan siasatan jenayah, apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan kecekapan polis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian mengambil maklum dan memandang serius akan sebarang bentuk jenayah yang berlaku bukan sahaja di Sibu tetapi juga di seluruh negara. Bagi menjawab soalan (a), buat masa ini keadaan keselamatan di Sibu adalah terkawal. Statistik kes jenayah di Sibu bagi tempoh 1 Januari 2012 hingga 29 Februari 2012 adalah menurun sebanyak 18 kes atau - 7.69% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2011. Bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam, Kementerian menerusi Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan jenayah di seluruh negara melalui pendekatan seperti berikut:-

- i. Melaksanakan tindakan pencegahan jenayah secara bersepadu dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM);
- ii. meningkatkan rondaan di kawasan yang kerap berlaku jenayah. Kehadiran polis (*police omnipresence*) juga dipertingkatkan dengan bantuan anggota tambahan dari RELA dan JPAM;
- iii. menambah bilangan anggota polis di kawasan-kawasan yang berkepadatan tinggi dan kerap berlaku jenayah;

- iv. mengadakan operasi secara berterusan sepanjang tahun bagi mengurangkan kadar jenayah;
- v. membuat penambahbaikan terhadap sistem komunikasi PDRM bagi memastikan PDRM dapat memberikan *respond time* yang lebih pantas kepada jenayah yang berlaku;
- vi. mengadakan kerjasama antara pihak polis dengan lain-lain agensi seperti JKKK/Daerah, ADUN dan Ahli Parlimen dalam program pencegahan jenayah; dan
- vii. meningkatkan penglibatan masyarakat dan NGO dalam membantu pihak polis membanteras jenayah melalui kempen kesedaran dan penyaluran maklumat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, jumlah pegawai dan anggota PDRM di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sibuan masa ini adalah seramai 651 orang dan jumlah ini dilihat mencukupi untuk mengawal keadaan keselamatan di daerah ini. Di samping mengadakan operasi-operasi bersepadu bersama agensi lain seperti RELA dan JPAM, pegawai dan anggota diberi latihan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka dalam semua aspek kepolisan. Dari aspek operasi, pengurusan tertinggi PDRM telah melaksanakan program

penambahbaikan untuk memantapkan Prosedur Tetap Operasi dalam pengurusan siasatan. Pogram ini dilaksanakan di semua jabatan PDRM yang terlibat secara langsung dalam pengurusan siasatan seperti Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial serta Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam bagi tujuan meningkatkan kualiti setiap penyiasatan yang dijalankan.

SOALAN NO: 62

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN
DARI PADA YB. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

TARIKH SELASA, 27 MAC 2012

RUJUKAN 10 [PR-1251-L48431]

SOALAN

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan usaha-usaha yang
digunakan untuk mencegah banjir kilat di Kuala Lumpur dan apakah
faktor-faktor yang sukar hendak diatasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, banjir kilat di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Antara usaha-usaha Kerajaan dalam menangani masalah banjir kilat adalah seperti berikut:

- 1) mengawal kadar aliran pada punca (control-at-source);
- 2) mengawal aktiviti kerja tanah;
- 3) menyenggara dan membersihkan sistem perparitan;
- 4) mempertingkatkan sistem saliran; dan
- 5) mengadakan sistem amaran banjir

Manakala, faktor-faktor yang sukar hendak diatasi sebagaimana yang dikenal pasti oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti berikut

1. Kadar Hujan yang Luar Biasa

Kelebatan hujan yang luar biasa seperti yang telah berlaku pada 7 Mac 2012 telah menyebabkan paras air di Sungai Kelang di Kuala Lumpur melebihi paras amaran. Ini telah menyebabkan sistem perparitan mengalami pengaliran balik (back-flow) dan banjir kilat di kawasan-kawasan rendah di

tepi Sungai Kelang.

2. Gangguan Sistem Perparitan Oleh Sampah

Tabiat wargakota yang masih membuang sampah di merata-rata tempat telah menyebabkan lubang air 'scupper drain' dan sistem perparitan tersumbat dan seterusnya menyebabkan kejadian banjir kilat.

3. Vandalisma Terhadap Rumah Pam Kawalan Banjir

DBKL masih mengalami banyak masalah kecurian peralatan dan pendawaian dari rumah-rumah pam kawalan banjir. Keadaan ini menyebabkan sistem pam berfungsi untuk mengurus banjir tidak dapat beroperasi.

4. Kesukaran Pengambilan Tanah Untuk Rezab Perparitan

Pengambilan tanah untuk dijadikan rezab perparitan adalah sukar, terutamanya di kampung-kampung tradisi. Tambahan lagi pembangunan di lot-lot milik persendirian di dalam kampung tradisi sentiasa bercorak 'piece meal'. Ini telah menyukarkan usaha untuk membina satu sistem perparitan yang sempurna.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARI PADA BAGI JAWAB LISAN
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya
Utara]

TARIKH 27 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN 63

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kedudukan terperinci projek “*Automated Fare Collection*” yang tidak dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan dan memerlukan pelanjutan masa diberikan beberapa kali dan jumlah wang yang telah dibayar kepada pihak kontraktor.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di antara usaha Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan rel untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam adalah melalui Projek “*Automated Fare Collection*” atau AFC. Projek 15 bulan ini bermula pada 11 Januari 2011 sehingga 10 April 2012 dengan kos RM 85.88 juta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pemasangan mesin-mesin AFC yang baru ini dilaksanakan di 53 buah stesen komuter KTM. Sehingga 9 Mac 2012, peratus kemajuan projek ini adalah 75.50%. Sehingga tempoh yang sama juga, Kementerian Pengangkutan telah membayar RM 46.20 juta atau 54% daripada jumlah peruntukan atas kerja-kerja yang telah disiapkan. Berdasarkan kepada kemajuan fizikal projek sedia ada, Kementerian ini berpandangan pada masa ini belum ada keperluan untuk pelanjutan masa memandangkan projek ini masih berjalan lancar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN TENG BOON SOON
KAWASAN TEBRAU
TARIKH 27.3.2012 (Selasa)

NO. SOALAN

64
TUAN TENG BOON SOON minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah
langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam tahun
2011 dan 2012 untuk meningkatkan pelaburan asing di negara
kita. Apakah hasil yang telah dicapai dan dijangka akan
tercapai daripada program-program yang berkenaan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2011 antara langkah-langkah yang telah
dilaksanakan untuk meningkatkan FD1 adalah:

- Menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan
utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA
juga telah dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat

keputusan secara “real time” ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi;

- Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara;
- Meliberalisasikan subsektor perkhidmatan secara progresif bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan;
- Memastikan penvelarasan yang lebih baik di antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi melalui penubuhan Jawatankuasa _____ Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU;
- Menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan bertujuan untuk menvebar dan memaklumkan kepada pelabur-pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan. Bagi tahun 2011, sebanyak 13 misi perdagangan dan pelaburan telah dilaksanakan, manakala pada tahun

2012 sebanyak 15 misi perdagangan dan pelaburan telah diadakan untuk dilaksanakan;

- Menganjurkan persidangan antarabangsa seperti Forbes Global CEO Conference dan Invest Malaysia pada tahun 2011 untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik kepada pemimpin industri yang hadir;
- Menawarkan Skim Galakan Istimewa yang mengandungi pelbagai jenis galakan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri yang strategik, industri baru dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, 'advanced electronics', bioteknologi, fotonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia; dan
- Menambahbaik sistem penvampaian Kerajaan, seperti yang dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH).

Langkah-langkah ini akan dilaksanakan secara berterusan.

Selain itu, pihak pembangunan wilayah koridor juga memainkan peranan penting untuk mempromosikan FDI ke dalam negara dengan menyediakan infrastruktur serta insentif

yang bersesuaian dengan aktiviti di koridor tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, jumlah FDI telah meningkat pada tahun 2011 berbanding 2010. Menurut Imbangan Pembayaran (*Balance Of Payments*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia, kemasukan FDI bagi keseluruhan tahun 2011 adalah berjumlah RM32.9 bilion berbanding RM29.3 bilion bagi tahun 2010. Ini menunjukkan bahawa Malaysia masih kekal sebagai sebuah destinasi yang kompetitif dalam menarik pelaburan asing.

Di samping itu, penganjuran misi perdagangan dan pelaburan serta persidangan antarabangsa turut mengukuhkan imej Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan terpilih dan merupakan fora yang baik untuk menarik minat serta mevakinkan tokoh-tokoh perniagaan untuk melabur di Malaysia.

Kementerian akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian untuk menarik pelaburan masuk ke Malaysia pada tahun 2012 bagi memastikan sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM115 bilion di bawah Program Transformasi Ekonomi dapat dicapai.

SOALAN NO: 65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA PERTANYAAN : LISAN
TARIKH TUAN SIM TONG HIM 27 MAC 2012 (SELASA)
SOALAN Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA
MENTERI

menyatakan:

- (a) terdapat berapa akta perundangan yang perlu dimansuhkan atau dipinda atas sebab akta-akta ini sudah luput, tidak telus dan tidak praktikal pada masa kini; dan
- (b) adakah satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk menjalankan penelitian semua akta perundangan yang sedia ada.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Persoalan sama ada sesuatu undang-undang masih sesuai atau tidak bergantung kepada keberkesanannya menangani masalah dan tidak bergantung sama ada ia undang-undang yang baru digubal atau telah lama digubal. Masih terdapat undang-undang lama yang masih sesuai dipakai

pada masa ini dan dengan itu persoalan sama ada undang-undang itu lapuk atau tidak adalah sangat subjektif. Kerajaan dengan itu tidak dapat menyediakan angka tertentu bagi melabel sesuatu undang-undang itu sebagai sudah lapuk atau tidak praktikal.

Usaha mengkaji sesuatu undang-undang bagi menentukan sama ada ia masih sesuai dipakai atau sudah lapuk adalah usaha yang berterusan oleh Kerajaan melalui kerja-kerja pembaharuan undang-undang yang dilakukan oleh setiap kementerian dan agensi di bawahnya ke atas undang-undang yang mereka selia. Begitu juga dengan proses pemansuhan, penggubalan undang-undang baru atau pindaan undang-undang sedia ada, yang dibuat dari masa ke semasa agar sistem perundangan Negara berada di tahap yang terbaik dan berkesan.

Dalam hubungan ini, Jabatan Peguam Negara melalui Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang sedang berusaha mengumpul dan mengkaji semua undang-undang pra-1969 untuk menentukan status kerelevanan undang-undang tersebut dengan situasi dan keadaan pada masa kini. Bagi tujuan ini, kementerian dan agensi yang berkenaan sentiasa dirujuk untuk mendapatkan maklum balas mengenai undang-undang yang diselia oleh mereka. Selain itu, pihak berkuasa negeri-negeri juga dirujuk bagi undang-undang yang kuasa perundangannya dikongsi bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Pada tahun 2010, suatu Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) telah ditubuhkan secara pentadbiran di bawah seliaan

Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memperlihatkan pembaharuan ke atas undang-undang yang sudah tidak relevan dengan kehendak dan perkembangan semasa bagi memastikan keberkesanan sistem perundangan negara berada pada tahap yang tertinggi.

Bagi memastikan setiap kajian pembaharuan yang dibuat menghasilkan suatu impak yang menyeluruh dan berkesan, proses rundingan dan perbincangan dengan agensi dan *stakeholders* yang berkenaan turut diadakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **27.03.2012**

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah tindakan diambil (peratusan) terhadap laporan dan teguran audit oleh Ketua Audit Negara setiap tahun, dan berjayakah tindakan yang diambil untuk mengelak berulangnya ketidakcekapan terutama yang melibatkan kehilangan hasil negara serta bagaimanakah langkah ini dilaporkan pula.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun Jabatan Audit Negara melaporkan tentang kedudukan tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan terhadap isu yang dilaporkan di dalam LKAN tahun sebelumnya.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010, sehingga 30 April 2011, sebanyak 172 (98.9%) daripada 174 syor yang dibangkitkan dalam laporan 2008 telah diambil tindakan. Bagi 250 syor yang dibangkitkan dalam laporan 2009, sejumlah 220 (88%) telah diambil tindakan dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010.

Bagi syor yang dibangkitkan dalam LKAN 2010, kedudukan tindakan susulan

akan dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun berikutnya iaitu 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 30 Oktober 2009 telah bersetuju **supaya ditubuhkan Pasukan Petugas Khas (PPK)** yang diterajui oleh Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai oleh antara lain, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Peguam Negara dan Ketua Audit Negara bagi **menentukan bentuk tindakan yang akan diambil** ke atas pihak-pihak yang didapati **cuai atau sengaja melanggar peraturan dan prosedur** dalam pengurusan wang awam seperti mana yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun (LKAN) 2008.

Bagi LKAN 2009, pihak Y.Bhg Ketua Setiausaha Negara telah meminta Jabatan Audit Negara untuk menyusul kedudukan tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan melalui siasatan dalaman. Sehingga Mei 2011, kedudukan tindakan susulan yang telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Kerajaan Negeri terhadap pegawai terlibat adalah seperti berikut:

Kerajaan Persekutuan:

- i. Tindakan tatatertib Amaran dan Denda - 5 orang
- ii. Tindakan tatatertib - 2 orang
- iii. Amaran/Teguran secara Pentadbiran - 41 orang
- iv. Disiasat oleh SPRM - 4 orang
- v. Masih disiasat - 4 orang

Jumlah : 56 orang

Kerajaan Negeri:

- i. Tindakan tatatertib Amaran -1 orang
- ii. Amaran/Teguran secara Pentadbiran - 7 orang
- iii. Disiasat Siasatan SPRM - 2 orang

Jumlah : 10

**NO.SOAIA
M ●&>**

HQr-mP-r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

YB. LOKE SIEW FOOK [RASAH]

DARI PADA

27 MAC 2012

TARIKH

4486

RUJUKAN

SOALAN
YB. Loke Siew Fook [Rasah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kelahiran yang telah didaftarkan setiap tahun dari tahun 2000 sehingga 2011 mengikut pecahan kaum masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Rasah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah kelahiran yang telah didaftarkan bagi tahun 2000 sehingga 2011 adalah sebanyak 6,037,531 kelahiran. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

BIL.	KAUM	JUMLAH
1.	MELAYU	3,465,171
2.	CINA	1,070,267
3.	INDIA	373,749
4.	LAIN-LAIN	1,128,344
JUMLAH KESELURUHAN		6,037,531

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

[TELOK KEMANG]

TARIKH : 27 MAC 2012

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan penyiasatan kes dakwaan rasuah yang melibatkan pegawai-pegawai Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) termasuk yang melibatkan arwah Ahmad Sarbaini Mohamed.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil daripada Ops 3B yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama beberapa agensi penguatkuasaan lain, sebanyak 85 Kertas Siasatan telah dibuka yang melibatkan pegawai-pegawai Kastam Diraja Malaysia (KDRM) termasuk yang melibatkan arwah Ahmad Sarbaini Mohamed.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 Kertas Siasatan telah diperakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya untuk diambil tindakan tatatertib ke atas

pegawai Kastam yang berkenaan, 2 kes disyorkan untuk dilucuthak dan 25 Kertas Siasatan masih dalam kajian. Sementara 7 Kertas Siasatan pula sedang diambil tindakan selepas menerima arahan lanjut daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Selain itu satu Surat Nasihat juga diberi kepada Ketua Jabatan supaya memperbaiki dan mengambil langkah sewajarnya agar salah laku dan ketidakpatuhan peraturan tidak berulang.

Manakala sebanyak 27 Kertas Siasatan yang telah dikemukakan, pihak Timbalan Pendakwa Raya setelah meneliti kes-kes tersebut mendapati tidak cukup keterangan untuk meneruskan pendakwaan dan mengarahkan supaya ianya ditutup.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTA JAM]

JAWAPAN :

perkembangan awal kanak-kanak selain mementingkan aspek keselamatan.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, sejak bulan Julai 2008 hingga bulan Januari 2012, JKM telah mengesan sebanyak 2,339 buah TASKA yang belum berdaftar di seluruh negara. Maklumat ini diperolehi daripada Pasukan Petugas Khas JKM di peringkat daerah yang ditugaskan untuk mengenal pasti TASKA yang tidak berdaftar selain memberi khidmat nasihat kepada pihak pengusaha berhubung proses pendaftaran TASKA.

Bagi menggalakkan pengusaha mendaftarkan TASKA, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh JKM. Antaranya ialah:

menubuhkan pusat sehati (OSC) yang berfungsi sebagai platform penyelarasan antara agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi mencari jalan penyelesaian dengan mudah dan cepat berkaitan isu-isu penubuhan dan pendaftaran TASKA;

mengadakan Kempen Jom Daftar TASKA mulai bulan Jun 2011 hingga 31 Disember 2011 untuk memberi kesedaran kepada pengusaha tentang kepentingan pendaftaran TASKA. Hasilnya, sehingga bulan Februari 2012, pendaftaran TASKA telah meningkat kepada 900 buah berbanding 485 buah pada tahun 2010. Perkara ini merupakan peningkatan sebanyak 86%;

penurunan kuasa bagi meluluskan perakuan pendaftaran TASKA daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi mengurangkan karenah birokrasi selain mempercepatkan proses pendaftaran;

menubuhkan pusat sehati (OSC) yang berfungsi sebagai platform

penyelarasan antara agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi mencari jalan penyelesaian dengan mudah dan cepat berkaitan isu-isu penubuhan dan pendaftaran TASKA;

mengadakan Kempen Jom Daftar TASKA mulai bulan Jun 2011 hingga 31 Disember 2011 untuk memberi kesedaran kepada pengusaha tentang kepentingan pendaftaran TASKA. Hasilnya, sehingga bulan Februari 2012, pendaftaran TASKA telah meningkat kepada 900 buah berbanding 485 buah pada tahun 2010. Perkara ini merupakan peningkatan sebanyak 86%;

penurunan kuasa bagi meluluskan perakuan pendaftaran TASKA daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi mengurangkan karenah birokrasi selain mempercepatkan proses pendaftaran;

- iv. menambah tempoh sah perakuan pendaftaran daripada 1 tahun (12 bulan) kepada 5 tahun (60 bulan) bagi mengurangkan beban

pengusaha untuk memohon perakuan pendaftaran setiap tahun;

- v. mengadakan perjumpaan dengan pengusaha TASKA tidak berdaftar untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengusaha dari semasa ke semasa;
- vi. memberi subsidi sebanyak RM180 kepada pengusaha TASKA bagi menghantar setiap pengasuh TASKA mengikuti Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) di bawah Insentif 1 Malaysia; dan
- vii. mewujudkan Portal eZI2CARE bagi membolehkan orang ramai khususnya pengusaha atau pengasuh TASKA membuat permohonan menghadiri KAAK dengan mana-mana agensi latihan yang diiktiraf oleh JKM secara dalam talian (*online*).

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung usaha penguatkuasaan ke atas TASKA yang tidak berdaftar, JKM menggunakan pendekatan berhemah dalam fasa permulaan penguatkuasaan. Pada tahun 2011, JKM telah mengeluarkan surat peringatan kepada 77 buah TASKA, surat peringatan kedua kepada 12 buah

TASKA dan surat peringatan ketiga kepada 2 buah TASKA yang tidak berdaftar. Selain itu, tindakan lak (atau seal) telah diambil ke atas sebuah TASKA yang tidak berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai JKM yang diberi kuasa, didapati punca TASKA tidak berdaftar adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i. pengusaha TASKA tidak dapat memenuhi syarat dan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ketat khususnya mendapatkan kebenaran merancang dan tukar syarat guna bangunan daripada status kediaman kepada komersial;
- ii. kos yang tinggi untuk mendapatkan perkhidmatan perunding PBT bagi urusan kebenaran merancang dan menukar syarat penggunaan bangunan. Ramai pengusaha tidak mampu untuk menampung kos perunding yang tinggi kerana kekurangan modal disebabkan rata-rata pengusaha TASKA bermodal kecil;

- iii. tidak dapat memenuhi syarat yang menghendaki pengasuh hadir Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) seperti termaktub dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 serta Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Di-Institusi)1985. Didapati kebanyakan pengusaha TASKA yang baru beroperasi tiada kesedaran tentang kepentingan KAAK. Tanpa menghadiri KAAK ini, *standard* minimum dalam aspek pengasuhan yang amat diperlukan untuk merangsang perkembangan kanak-kanak tidak dapat disediakan; dan
- iv. kegagalan menyediakan pengasuh yang mencukupi berdasarkan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (pindaan 2007).

Sebagai kesimpulan, KPWKM yakin hasil usaha advokasi secara berterusan JKM dan tindakan penguatkuasaan undang-undang, akan mendorong lebih ramai pengusaha TASKA untuk tampil mendaftarkan TASKA masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

TARIKH

27 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai aset Koperasi Pelaburan FELDA (KPF) dan nilainya yang dipindahkan kepada FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia dan senarai syarikat dan anak syarikat FELDA Ventures Sdn Bhd yang dipindah milik kepada FELDA serta status kewangan syarikat-syarikat tersebut.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Koperasi Pelaburan FELDA (KPF) telah dijemput untuk menyertai penyenaian ini sebagai pemegang saham tunggal terbesar di dalam FGVH. Walaubagaimanapun,

berdasarkan injunksi yang telah diperolehi oleh lapan (8) orang ahli KPF yang juga adalah peneroka FELDA pada 17 Februari 2012 di Mahkamah Tinggi Kuantan yang menghalang perbincangan mengenai pelupusan ekuiti milik KPF di dalam FHB semasa Mesyuarat Agung Khasnya dan memandangkan proses-proses perundangan ini akan mengambil masa yang agak lama untuk mencapai penyelesaian. Pihak KPF dan FGVH sedang menunggu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Kuantan yang dijadualkan pada 2 April 2012 ini, bagi tindakan seterusnya.

Syarikat milik FGVH yang dipindahmilik kepada FELDA pada tahun 2011 adalah Kumpulan FGV Middle East yang beroperasi di Arab Saudi. Bagi tahun kewangan 2011, Kumpulan FGV Middle East mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.5 juta. Untuk makluman, pindahmilik ini tiada kaitan dengan penyenaian FGVH di Bursa Malaysia.

000000000000000000

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

TARIKH

**LISAN
DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA]
27.03.2012 (SELASA)**

NO. SOALAN:

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah sambutan rakyat terhadap Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) serta nyatakan sambutan model ketiga KR1M ini berbanding dua model sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 1 Mac 2012, sebanyak 36 permohonan bagi Model 3 KR1M telah diterima di seluruh negara meliputi permohonan daripada individu, enterpris, koperasi, syarikat dan lain-lain. Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Mac 2012.



NO SOALAN :&&

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA :Y.B. DATO' SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG
(MARANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.03.2012

Y.B. DATO' SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana mekanisme pelaksanaan Skim Amanah Rakyat IMalaysia (SARA IMalaysia) dan apakah pelaksanaannya benar-benar mematuhi syari'ah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Amanah Rakyat IMalaysia (SARA IMalaysia) merupakan suatu skim khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah menabung dan melabur di samping untuk membantu mereka menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.

Di bawah pelaksanaan skim ini, bank-bank yang terlibat menyediakan dana pinjaman kepada 100,000 peserta yang layak memohon pinjaman berjumlah RM500 juta atau RM5,000 bagi setiap peserta untuk tempoh selama 5 tahun untuk melabur dalam 5,000 unit Amanah Saham IMalaysia (AS IMalaysia) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Setiap peserta hanya perlu membayar balik pinjaman kepada bank sebanyak RM84 sebulan selama 59 bulan dan RM44 pada bulan ke-60. Peserta akan mendapat 5,000 unit AS IMalaysia di akhir tempoh 5 tahun setelah menjelaskan kesemua komitmen bulanan tersebut.

Bagi memastikan peserta membayar balik pinjaman tersebut setiap bulan dan terus membuat tabungan dan pelaburan, sebagai imbuhan, peserta akan diberi insentif kira-kira RM134 sebulan (bergantung kepada hasil pulangan dari pelaburan yang diperolehi oleh SARA IMalaysia) selama tempoh penyertaan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pembayaran insentif ini dibuat kepada peserta dalam bentuk unit tambahan AS IMalaysia dan insentif ini boleh dikeluarkan oleh peserta untuk kegunaan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut kenyataan Muzakarah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berkaitan pelaburan dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN), skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan seumpamanya, Muzakarah telah memutuskan bahawa bagi menjaga kepentingan dan masalah umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar, hukum melabur dalam skim ASN dan skim ASB serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus.